

selangorkini

PERCUMA


PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 4 - 10 MEI 2023

www.selangorkini.my



Tingkat kecekapan perbaiki jalan



JUMLAH TAMPALAN JALAN BERLUBANG 2021-2023*



JUMLAH KESELURUHAN

2021	16,288
2022	22,894
2023*	7,669

*sehingga 31 Mac 2023



PEMBANGUNAN teknologi infrastruktur jalan raya merupakan satu pelaburan jangka panjang yang dilaksanakan Kerajaan Selangor. Pengaplikasian teknologi baharu juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kecekapan penyelenggaraan jalan negeri yang diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Infrasel Sdn Bhd (Infrasel). Bahkan, kecekapan sistem pengurusan dan penyelenggaraan jalan juga berperanan dalam memberikan keselesaan dan meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya. Pada Mac tahun lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan Aplikasi Penilaian Jalan Pintar (i-RAA) bagi memantau, mengenal pasti dan memperbaiki jalan raya dan cerun rosak dengan lebih pantas serta efisien.

i-RAA merupakan sebuah perisian berasaskan sistem kecerdasan buatan (AI) dan pengesanan dan perluasan cahaya (LiDAR) yang dibangunkan Selgem Sdn Bhd (Selgem) bagi membantu Kerajaan Negeri mengesan kerosakan jalan raya, banjir kilat dan kegagalan cerun yang berlaku. Melalui beberapa komponen utama bagi kerja-kerja pemeriksaan rutin seperti pengesanan kerosakan jalan melalui dron dan kamera papan pemuka, pendigitalan aset, aduan media sosial dan aplikasi awam mudah alih, i-RAA dilihat sebagai sebuah komposisi yang dibangunkan secara sistematik dan teratur. Berkonsepan pusat sehenti (One Stop Centre), kawalan sistem AI tersebut dipantau melalui ruangan khas iaitu pusat kawalan (Command Centre) terletak di Ibu Pejabat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dan JKR negeri.

LIHAT MUKA 2 ▶

Peluang temui pemimpin negeri

SEPANG - Jelajah Kita Selangor Aidilfitri antara inisiatif yang memberi peluang kepada segenap lapisan rakyat bertemu pemimpin negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan program yang dianjurkan di setiap daerah itu mendapat sambutan, malah ramai pengunjung datang awal.

"Jelajah ini memberi peluang masyarakat setempat dan penduduk bertemu dengan pemimpin negeri serta ketua jabatan dalam merai perayaan Aidilfitri," katanya pada 28 April.

Amirudin berkata RM200,000 diperuntuk bagi menjayakan program sedemikian di sesebuah daerah manakala pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah menggunakan dana mereka bagi memriahkan acara.

Perkukuh kerjasama dengan Apple Inc.

HULU SELANGOR - Kerajaan Negeri berhasrat bertemu gergasi teknologi, Apple Inc. di Amerika Syarikat (AS) dalam siri lawatan bersama delegasi 11 syarikat tempatan ke negara itu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pertemuan itu susulan kerjasama menerusi Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC).

"Saya akan cuba bertemu Apple. Kebetulan kita sudah buka Pusat Kecemerlangan Apple di STDC. Ia merupakan satu-satunya pusat latihan untuk bahasa pengaturcaraan 'swift' yang ada di Asia Tenggara.

"Saya percaya kerjasama yang erat boleh diperkukuhkan lagi serta ke arah melahirkan sumber manusia lebih berkualiti untuk negeri dan negara kita pada masa kini dan masa hadapan," katanya pada 30 April.

Amirudin mengetuai delegasi 11 syarikat tempatan berkaitan teknologi ke AS dari 1 hingga 4 Mei dalam sidang kemuncak pelaburan Select USA Investment 2023.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



DARI MUKA DEPAN

Tampal lebih 40,000 jalan berlubang

Sistem Penilaian Kerosakan Rangkaian Jalan Raya (Road Network Defect Assessment atau RONDA) turut diperkenalkan Selgem bagi membantu JKR dan Infrasel menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan jalan melalui data kerosakan jalan yang diperoleh daripada sistem tersebut.

Infrasel yang menyelenggara jalan negeri di Selangor bermula dari tahun 2021 selepas diberikan konsesi oleh JKR telah memperkenalkan pelbagai

kaedah untuk meningkatkan perkhidmatannya bagi keselesaan pengguna.

Sementara itu, KSSB berkata sebanyak 46,851 jalan berlubang yang dikesan antara 2021 sehingga 31 Mac lalu di sembilan daerah berjaya dibaiki hasil kecekapan penggunaan teknologi terbabit.

Sebanyak 11,497 kerja tampalan dilaksanakan di Petaling, Kuala Langkat (8,198), Sabak Bernam (6,960), Klang (6,692), Hulu Langat (4,830),

Selangor (3,111), Kuala Selangor (2,333), Gombak (2,236) dan Hulu Selangor (994).

Kerja itu hanya membabitkan jalan negeri diselia JKR dan Infrasel.

Penyelenggaraan lebuhraya pula di bawah tanggungjawab syarikat konsesi manakala jalan persekutuan dibiayai serta disenggara kerajaan pusat, selain itu ada juga jalan raya diuruskan pihak berkuasa tempatan dan agensi negeri lain.

Pencapaian suku pertama 2023

Raih hasil lebih RM893 juta

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KLANG - Selangor memperoleh kutipan hasil RM893.11 juta setakat 15 Mac meliputi 45 peratus daripada jumlah keseluruhan sasaran bagi tahun ini iaitu RM2 bilion.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan kejayaan suku tahun pertama itu menunjukkan

keyakinan rakyat terutama kelompok peniaga terhadap pentadbiran negeri.

"Kita tidak boleh ambil mudah keyakinan ini dan saya berharap keyakinan prestasi pungutan hasil negeri juga diterjemah dalam minggu dan bulan yang datang," katanya pada 30 April.

Berucap dalam program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri di Taman Sri Kerayong di sini, beliau menjelaskan prestasi memberangsangkan itu mem-

bawa kepada Insentif Khas Aidilfitri.

"Insentif ini bukan sahaja memberi satu bulan gaji kepada penjawat awam Selangor tetapi juga penjawat awam persekutuan seperti guru, polis dan lain yang berkhidmat di negeri ini.

"Ini dibuat julung kalinya di Selangor dan didorong atas kejayaan prestasi pungutan hasil Kerajaan Negeri dalam tiga bulan pertama tahun ini," katanya.

Timbang sedia Rumah Selangorku

SHAH ALAM - Penduduk Kampung Koskan Tambahan, Serendah, Hulu Selangor yang diarah mahkamah supaya mengosongkan penempatan itu dipertimbang untuk menerima tawaran Rumah Selangorku.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pentadbiran negeri sedia menjadi perantara bagi memastikan masalah tersebut diselesaikan dengan baik.

"Jadi, Kerajaan Selangor mungkin boleh tawarkan Rumah Selangorku

atau rumah mampu milik (kepada penduduk)," katanya.

Pada 18 April, 12 keluarga di situ menerima notis pengosongan daripada Mahkamah Tinggi Shah Alam sebelum 9 pagi pada 2 Mei berikutan permohonan pemaju Panca Resmi Sdn Bhd pada 30 Mac.

Jawatankuasa Bertindak Kampung Koskan Tambahan kemudian meminta Amirudin untuk campur tangan bagi membela nasib mereka.

Sementara itu, Penyelaras Dewan

Undangan Negeri (DUN) Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad berkata mereka akan dibantu untuk mendapatkan rumah sewa.

Pihaknya turut mencapai kata sepakat dengan pemaju supaya proses pemindahan itu ditangguh kepada 11 Mei sehingga rumah sewa ditemukan.

"Pemaju dan Tenaga Nasional Berhad bersetuju memasang semula bekalan bagi memberi laluan perobohan enam rumah yang penghuninya telah berpindah," katanya pada 3 Mei.

Pelan tangani projek terbengkalai

SHAH ALAM - Beberapa syor baharu akan dibawa kepada kerajaan persekutuan bagi menangani isu projek perumahan terbengkalai termasuk di Selangor.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail menjelaskan langkah tersebut bagi membantu pembeli yang terpaksa menanggung risiko jika pemaju gagal menjayakan sesebuah projek.

Beliau berkata masalah berkenaan termasuk isu pemilikan strata dan komersial perlu diatasi di Selangor terlebih dahulu berikutan banyak projek seumpamanya dijalankan di negeri ini.

"Saya sedang bincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk cadang polisi baharu dan diguna

pakai bawah Rang Undang-Undang (RUU) baharu.

"Jika tidak, isu projek perumahan 'sakit' terus 'sakit' khususnya pemaju ambil wang pembeli dan lari. Ini menyusahkan rakyat dan perlu diteliti semula," katanya pada 29 April.

Rodziah juga menambah enam daripada lapan projek perumahan yang terbengkalai sejak lebih 20 tahun di Selangor berjaya diselesaikan setakat ini.



OLEH
NAZLI IBRAHIM

Definisi gaya urban tropika

Menjadi impian setiap keluarga untuk memiliki kediaman yang indah, mendamaikan jiwa dan dilengkapi dengan rangkaian kemudahan yang mesra pengguna.

Apalagi jika ianya menampilkan ciri moden kontemporari yang menyempurnakan keseluruhan kediaman yang luas dan selesa untuk dihuni ahli keluarga tercinta.

Begitulah sifat sang Puteri Ariana, kediaman teres dua tingkat baharu oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), khusus merealisasikan kediaman impian.

Seindah namanya, sang puteri ini menampilkan visual kediaman menarik dengan menawarkan dua pilihan rekaan dinding; sama ada moden kontemporari mahupun tropikal.

Dengan keluasan di antara 1,979 hingga 2,258 kaki persegi, ia pastinya menjamin ruang yang lapang dan selesa buat penghuninya.

Ruang sebegini juga membuka peluang untuk pemiliknya meneroka, mereka dan menata rias kediaman dengan konsep pilihan masing-masing.

Dilengkapi empat bilik tidur dan tiga bilik mandi, Puteri Ariana menawarkan ruang makan dengan konsep ruang terbuka serta ruang keluarga yang bercirikan moden minimalis.

Tidak cukup dengan itu, ia memiliki anjung kereta yang lebih luas, yang boleh memuatkan lebih satu kenderaan serta dilengkapi 'tyre stopper', melengkapkan ciri keselamatan kediaman ini.

Tidak dilupakan, ruang balkoni bagi bilik utama sebagai ruangan santai serta ruang keluarga untuk mencambahkan rasa peribadi.

Bagaimana dengan ruangan dapurnya? Hanya Puteri Ariana mampu memberi bonus dapur anda dengan 'kitchen island' yang sering menjadi idaman golongan wanita.

Membawa definisi kehidupan urban tropika, rumah teres dua tingkat di Kota Puteri ini mampu dimiliki menerusi tawaran diskaun istimewa.

PKNS turut menawarkan diskaun menerusi skim

kesetiaan, khusus buat pelanggan setianya.

Untuk tempoh terhad, PKNS kini memberi tambahan diskaun 'detik awal' kepada pembeli terawal.

Ini membolehkan mereka yang bertuah memperoleh satu potongan harga yang tidak diterima daripada mana-mana pemaju.

Selain semua keistimewaan tawaran harga ini, pembeli berpeluang mendapatkan pakej barangan elektrik berjenama Samsung bernilai RM10,000 dan perjanjian jual beli serta surat cara pemindahan (MOT) yang ditanggung oleh PKNS.

Yang terindah semestinya terhad. Hanya terdapat 72 unit dengan empat reka bentuk sahaja yang ditawarkan; iaitu jenis A, A1, B, C, C1 dan D, dengan harga bermula RM590,000 hingga RM762,000.

Dijangka siap pada Disember 2025, konsep keseluruhan pembangunan Puteri Ariana ini dirancang penuh kreatif dengan menyediakan ruang kediaman selesa serta persekitaran kawasan yang harmoni.

Lokasi strategik

Bukan sekadar damai dan indah, Puteri Ariana di pusat pertumbuhan Kota Puteri juga berdekatan akses yang begitu mudah ke Lebuhraya LATAR, Guthrie dan Jalan Kuala Selangor.

Untuk ke Kuala Lumpur, jarak perjalanan cuma sejauh 45 kilometer (km), iaitu kurang sejam perjalanan, dan ke Pekan Ijok pula cuma lima km.

Terletak di daerah Kuala Selangor, peluang untuk mengunjung tempat-tempat menarik dan bercirikan 'instagrammable' kini terbuka luas.

Antaranya, Selangor Fruit Valley, Taman Ikan Air Tawar, 'Eagle feeding' Pasir Penambang, Bukit Melawati, Tasik Kota Puteri, Kampung Kuantan 'Fireflies', 'Sky mirror', Taman Alam dan Pasar Basah Pasir Penambang.

Pastinya tidak sunyi hujung minggu pemilik Puteri Ariana dengan semua tarikan ini.

Pada masa sama, golongan ibu bapa pastinya prihatin dengan lokasi sekolah anak masing-masing sekiranya kediaman ini menjadi pilihan.

Tidak perlu risau. Puteri Ariana dibina berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Ijok, Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman, Ijok, Sekolah Rendah Agama Ijok, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ijok dan Wesley Methodist School.

Pada masa sama, ia juga tidak jauh dengan



Ruang tamu



Bilik tidur utama

institusi pendidikan tinggi seperti UiTM Puncak Alam dan Universiti Industri Selangor (UNISEL) Bestari Jaya.

Sementara pusat kesihatan berhampiran pula Hospital Selgate Rawang, Hospital UiTM Puncak Alam, Klinik Kesihatan Sungai Buloh dan Hospital Pakar KPJ Rawang.

Barang keperluan harian juga mudah didapati di bandar berdekatan seperti Pekan Ijok, Bandar Kuala Selangor, Bandar Puncak Alam, Bandar Rawang dan Bandar Desa Coalfields.

Indah, damai dan lengkap dengan kemudahan. Puteri Ariana ternyata calon kediaman paling sesuai untuk semua.

Mereka yang berminat dijemput hadir ke majlis pelancarannya pada Sabtu (6 Mei) antara 10 pagi-10 malam dan Ahad (7 Mei) antara 7 pagi-5 petang di Galeri Jualan Hartanah Kota Puteri. Pengunjung berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah.

Orang ramai juga boleh hubungi Bahagian Jualan Hartanah (PKNS HOMES) di talian 03-5022 0188 atau laman sesawang www.pkns.gov.my



SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

SKIM INSURANS PERCUMA

PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**

DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**

PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

PENDAFTARAN BERMULA PADA **1 OKTOBER 2022** SEHINGGA **30 SEPTEMBER 2023**

TEMPOH INSURANS SELAMA **12 BULAN** DARI TARIKH POLISI DIKELUARKAN

PENDAFTARAN MELALUI APLIKASI **WAVPAY E-WALLET**

*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT

ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?

- ANDA LAYAK JIKA NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR
- ATAU ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR
- ATAU ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

- MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKAUN APLIKASI WAVPAY E-WALLET
- KLIK PADA BANNER PROGRAM
- LENGGAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

Khidmat Pelanggan

Talian 1 +60162504199
 Talian 2 +60164354199
 Talian 3 +60164474199
 Talian 4 +60162534199
 Talian 5 +60162514199

E-mel: insanbantuan@wavpay.net

Info lanjut, sila layari www.wavpay.net

www.wavpay.net
 Wavpay System
 @wavpay

Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

SHAH ALAM - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang www.wavpay.net

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

Sedia pelbagai bantuan

Cakna golongan kurang mampu

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SEPANG - Pelbagai inisiatif diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi membantu penduduk khususnya golongan berpendapatan rendah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan itu antaranya Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), Skim Air Darul Ehsan (SADE) dan Skim Insurans Am Selangor (INSAN).

"Dalam membantu golongan ini, kita tidak tunggu lama dan beberapa inisiatif ada seperti BINGKAS untuk 30,000 keluarga yang memperuntuk lebih RM50 juta.

"Kerajaan Negeri juga merencana beberapa program seperti SADE dan penjagaan kesihatan seperti saringan dan pemberian vaksin. Usaha yang diteruskan ini bukan hanya populis, selakip mata.

"Malah, kita laksana INSAN, sebagaimana tiada mana-mana negeri yang berkemampuan memberi perlindungan secara percuma kepada rakyatnya, hanya di Selangor," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri Jelajah Kita Selangor Aidilfitri daerah Sepang di tapak Pasar Pagi Pekan Salak pada 28 April.

Amirudin juga menolak dakwaan mengatakan 1.8 peratus penduduk ber-

samaan 86,000 keluarga di Selangor dalam kemiskinan mutlak.

Beliau menambah Kerajaan Negeri sentiasa bersedia berdepan pelbagai cabaran setelah melepasi detik sukar termasuk Covid-19 dan bencana alam.

"Pengalaman yang kita lalui pada 2020 hingga 2022 mengajar kita banyak perkara. Pentadbiran kerajaan dan pembangkang harus bersatu hati dengan memberi keutamaan kepada rakyat.

"Sebaik melepasi detik-detik sukar, Kerajaan Negeri tidak menoleh dan merangka serta merancang supaya Selangor mampu berdepan cabaran sama ada bencana, krisis ekonomi atau ketidakstabilan politik," katanya.

WAKTU SOLAT	4 - 10 MEI 2023 13 - 19 SYAWAL 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Khamis	5:43	5:53	7:02	1:13	4:32	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:13	4:33	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34	
05 Jumaat	5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34	
06 Sabtu	5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34	
07 Ahad	5:42	5:52	7:01	1:13	4:32	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32	5:44	5:54	7:03	1:15	4:35	7:22	8:34	
08 Isnin	5:42	5:52	7:01	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:02	1:13	4:33	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:15	4:35	7:22	8:34	
09 Selasa	5:41	5:51	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32	5:43	5:53	7:03	1:15	4:35	7:22	8:35	
10 Rabu	5:41	5:51	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32	5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32	5:43	5:53	7:02	1:15	4:35	7:22	8:35	

JOM RIUH BERSAMA

DISCOVER PKNS

KOTA PUTERI CROWN CITY

6&7 MEI

2023 KOTA PUTERI
SALES GALLERY

SABTU 10PG - 10MLM
AHAD 7PG - 5PTG

7KM
FUN RUN

PERTANDINGAN
MEWARNA

PERSEMBAHAN
BADUT

'INFLATABLE GAMES'

TRAK MAKANAN

PERTANDINGAN
FOTOGRAFI

JELAJAH SELANGOR
EHSAN

PERSEMBAHAN
ARTIS/'BUSKER'

PELBAGAI
AKTIVITI &
HADIAH MENARIK
MENANTI ANDA

'BOOTH' & PERSEMBAHAN SELEBRITI
TERKENAL



LIZA HANIM



SABHI SADHI



SYED ALI

TEROKAI PENGALAMAN BAHARU DENGAN
PELANCARAN RUMAH TERES 2 TINGKAT **PUTERI ARIANA**

*tertakluk kepada sebarang pindaan

010-928 0187
03 5022 0188



pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PKNS OFFICIAL



Karnival tawar 7,000 peluang kerja

SHAH ALAM - Lebih 7,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang ditawarkan kepada orang ramai di Dewan Hamzah, Klang sempena Karnival Kerjaya Selangor 2023 pada 6 dan 7 Mei.

Menurut EXCO Pemberdayaan Kerja V Ganabatirau, program yang disertai lebih 30 majikan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan, perbankan, pengendalian makanan mulai 9 pagi hingga 5 petang.

"Sesi temu duga turut diadakan, jadi pencari kerja yang datang ke karnival ini boleh membawa resume mereka sebagai persediaan," katanya pada 3 Mei.

Beliau berkata program anjuran bersama Kementerian Sumber Manusia dan Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) menasaskan kehadiran kira-kira 1,000 pengunjung.

"Jadi, kepada semua yang sedang mencari kerja jangan lepaskan peluang dan datanglah ke karnival ini kerana banyak peluang pekerjaan menanti anda," katanya.

Orang ramai boleh mendaftar melalui pautan myfuturejobs.gov.my/careerfair/

Baiki cerun siap tahun depan

SHAH ALAM - Kerja pembaikan cerun di Jalan Batang Kali-Genting Highlands dijadual siap pada pertengahan tahun hadapan.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata kerja membaiki dan membina tembok penahan giat dijalankan membabitkan kos lebih RM20 juta.

"Kita siapkan dulu tembok atau dinding penahan dan teknologi diguna pakai adalah sesuai dengan kawasan itu yang sempit dan bertahan lebih baik.

"Kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan kerja (cerun) itu termasuk jalan. Kita perlukan masa 10 bulan dan dijangka pertengahan tahun depan boleh digunakan jalan itu," katanya.

Turap jalan dalam masa terdekat

SHAH ALAM - Kerja turapan jalan rosak besar-besaran di seluruh negeri akan dilaksanakan dalam masa terdekat, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Ir Izham Hashim berkata projek melibatkan kos RM50 juta menerusi peruntukan belanjawan tahun ini bermula di kawasan yang menerima laporan kerosakan terbanyak.

"Kita sudah bincang secara menyeluruh mengenai projek ini sebelum sambutan Aidilfitri dan sudah diteliti satu persatu.

"Jadi ia akan berjalan selepas ini menggunakan dana khas Kerajaan Negeri. Tidak mengganggu mana-mana peruntukan," katanya pada 25 April.

Beliau juga menggalakkan orang ramai melaporkan jalan rosak menerusi Twitter dengan menghantar gambar, aduan dan disertai tanda pagar #infrasel #daerah #namajalan.

Kawal ketat aktiviti di rizab sungai

SHAH ALAM - Pembangunan pesat pelbagai sektor ekonomi di lembangan Sungai Buloh menyumbang kepada peningkatan efluen, sekali gus menurunkan kualiti air.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian memaklumkan aktiviti lain seperti kerja tanah turut meningkatkan kekeruhan air selain penempatan agak padat berhampiran rizab sungai.

Beliau berkata lebih 30 loji rawatan

kumbahan yang beroperasi selari pembangunan perumahan dan premis komersil juga dikesan melepaskan aliran air limbah ke sungai.

"Kewujudan ladang pertanian dan kawasan penternakan dalam lembangan ini turut menyumbang kepada penurunan kualiti air sungai," katanya baru-baru ini.

"Berdasarkan rekod inventori aktiviti guna tanah, sebanyak 18 peratus

aktiviti penternakan dan akuakultur berpotensi melepaskan efluen dan berisiko kepada permasalahan kualiti air jika tiada sistem rawatan yang efisien."

Berikutan itu, Loy Sian berkata Selangor melaksanakan beberapa langkah kawalan pencemaran di Sungai Buloh bagi memastikan kualiti air di lembangan sungai itu terus terpelihara.

Rai kemeriahan Syawal

30,000 kunjungi rumah terbuka

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL dan SHEEDA FATHIL**

SEPANG - Program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri di Sepang, Hulu Selangor dan Klang dikunjungi lebih 30,000 penduduk pelbagai peringkat usia, kaum dan latar belakang.

Selain kehadiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan pimpinan negeri di ketiga-tiga lokasi itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut mencemar duli ke Klang.

Sambutan setiap hujung minggu sepanjang Syawal di sembilan daerah sehingga 14 Mei turut dimeriahkan dengan persembahan artis antaranya

Siti Nordiana, Haziq, Jay Jay dan Iman Troye.

Akauntan Justin, 48, dari Cyberjaya ke lokasi acara di tapak pasar pagi Pekan Sajak, Sepang bersama anak perempuan bagi merasai suasana kemeriahan program anjuran Kerajaan Negeri.

"Di Malaysia, kita rai pelbagai perayaan dan banyak rumah terbuka. Saya mahu anak melihatnya supaya pada masa depan, dia tahu dan sama-sama meraikannya," kata beliau pada 28 April.

Eksekutif syarikat penghantaran, Joseph, 49, pula setiap tahun hadir ke rumah terbuka itu bersama isteri dan anak-anak sekali gus berpeluang berse-

muka dengan pemimpin negeri.

"Kali ini, saya bawa kakak dan adik ipar untuk sama-sama merai sambutan hari raya," katanya.

Meski lokasi acara berlecek lantaran hujan, ia tidak menghalang kehadiran pengunjung ke Taman Sri Kerayong, Klang pada 30 April.

Pengunjung Nur Ikhmal, 41, mengakui tidak pernah melepaskan peluang ke program sedemikian setiap tahun kerana mahu menikmati kemeriahan Aidilfitri.

"Selain merasai kemeriahan suasana hari raya, kita juga dapat menikmati pelbagai jenis juadah di satu tempat," katanya.



RM5 juta pulih Kampung Koskan

HULU SELANGOR - Kira-kira RM5.102 juta dibelanjakan bagi membangunkan prasarana projek perumahan terbenkakai sejak lebih 20 tahun lalu di Kampung Koskan di sini.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail berkata kemudahan itu antaranya jalan bertar, saliran, tangki septik individu, bekalan air dan elektrik, lampu jalan serta padang permainan.

Beliau menjelaskan Kerajaan Negeri meluluskan cadangan pemulihan pro-

jek berkenaan menggunakan peruntukan Tabung Pemulihan Projek Terbenkakai (TEPAT) pada 24 Julai 2019.

Katanya, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) melantik RE Consultant Sdn Bhd dan kontraktor Hijrah Perkasa Construction Sdn Bhd bagi menjayakan kerja tersebut.

"Kontraktor mulakan kerja di tapak berkenaan pada 16 Mei tahun lalu dan ia dijangka siap sepenuhnya akhir bulan depan," katanya pada 19 April.

Projek pembesaran Kampung Koskan yang bermula pada 2000 berjalan lancar pada dua tahun pertama tetapi ia gagal disiapkan berikutan kontraktor dilantik diisytihar muflis pada 2012.

Susulan itu, pelbagai usaha dilaksanakan sejak 2014 menerusi beberapa mesyuarat bersama pejabat daerah, Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan wakil pembeli bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Wujud sistem urus sumber air

SHAH ALAM - Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) diwujudkan bagi memastikan sumber air diurus dengan cekap sekali gus memenuhi keperluan penduduk.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata inisiatif itu bertujuan mendedi-pani isu perubahan iklim yang menjadi cabaran utama kepada Selangor.

"Kita sekarang menghadapi cabaran perubahan iklim dan kita tidak boleh pandang rendah mengenai masalah itu.

"Menerusi IRBM, kita akan pastikan empat dasar dipatuhi iaitu bekalan air mencukupi, air bersih, atasi banjir dan pulihara alam sekitar," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan majlis

penutup bengkel kajian semula IRBM Lembangan Sungai Klang (2022-2030) di sini baru-baru ini.

Ir Izham menjelaskan pelan IRBM dibangun Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebagai panduan dan rujukan dalam perancangan dan pengurusan sumber air serta lembangan sungai di Selangor.



Sultan Sharafuddin (dua, kiri) berkenan menerima cek cura berjumlah lebih RM56 juta daripada Dr Mohd Na'im (dua, kanan) bagi peruntukan bayaran elaun 2023 di Istana Alam Shah, Klang pada 2 Mei. Foto BERNAMA

Meliputi caruman Perkeso

RM56 juta untuk imam, guru

KLANG - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan berangkat ke majlis penyerahan peruntukan kerajaan persekutuan untuk bayaran elaun imam, bilal, siak, guru takmir dan guru kelas al-Quran dan fardu ain (Kafa) berjumlah lebih RM56 juta.

Majlis penyerahan cek cura oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berlangsung di Istana Alam Shah, di sini, lapor Bernama.

Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor dalam kenyataan berkata Baginda menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan atas peruntukan berkenaan.

Datuk Mohamad Munir Bani berkata sebelum ini kaedah penyampaian peruntukan bayaran elaun kepada negeri-negeri disampaikan kepada Dato' Menteri Besar.

"Bagaimanapun, apabila pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) diambil alih oleh raja yang memerintah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menyelaraskan penyampaian peruntukan elaun imam, bilal, siak, guru takmir dan guru Kafa ke negeri-negeri dibuat melalui sultan atau raja negeri berkenaan selaku ketua agama Islam untuk disalurkan kepada jabatan

agama islam negeri,"katanya pada 2 Mei. Katanya, diharapkan kaedah terbaru itu dapat melancarkan penyerahan peruntukan ke semua negeri tanpa dipolitikkan dan dapat meredakan kekeliruan rakyat.

Terdahulu, Dr Mohd Na'im berkata Selangor menerima peruntukan persekutuan sebanyak RM56,412,369.60 tahun ini yang disalurkan melalui Jakim kepada Jabatan Agama Islam Selangor.

Katanya, peruntukan itu meliputi imbuhan kepada 752 orang imam dengan kadar RM850 sebulan dan elaun guru takmir dengan kadar RM900 sebulan melibatkan 242 orang guru.

Dana sama turut merangkumi bayaran khas sekali beri sebanyak RM600 dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebanyak RM232.80 setahun kepada 2,482 orang imam, bilal, siak dan guru takmir.

Selain itu, bayaran elaun berjumlah RM1,261.35 sebulan serta bayaran khas sekali beri sebanyak RM600 kepada 2,800 orang guru Kafa.

Pada masa sama katanya, majlis berkenaan membawa erti yang sangat besar kepada Jakim selaku Sekretariat MKI dalam menzahirkan hubungan kerjasama yang lebih erat khususnya dalam perkara melibatkan pengurusan hal ehwal Islam di Selangor.

6,000 unit Rumah Selangorku siap

SHAH ALAM - Kira-kira 6,000 unit Rumah Selangorku Idaman yang giat dibangunkan di beberapa lokasi strategik negeri ini dijangka siap menjelang tahun depan dan tahun seterusnya.

Ketua pegawai eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) berkata pembinaan itu membabitkan sekitar Bukit Jelutong, Shah Alam, Bandar Saujana Putra, Kuala Langat, Cybersouth, Dengkil, Puncak Alam, Kuala Selangor dan Taman Air Manis, Sabak Bernam.

"PNSB salah satu tonggak dalam pembinaan rumah mampu milik di Selangor sejak 2019. Kita telah siapkan satu projek di Tropicana Heights, Semenyih membabitkan 2,500 unit.

"Dalam masa terdekat, ada lagi projek yang akan siap dengan anggaran 6,000 unit," kata Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim pada 27 April.

Beliau memaklumkan permintaan terhadap rumah tersebut memberangsangkan terutama dalam kalangan pemohon rumah pertama dan individu yang baharu berkeluarga.

"Jadi, kita perlu tapis dan lihat kelayakan pemohon. Syaratnya mesti rumah pertama selain pendapatan isi rumah pemohon kurang RM10,000."



UNIT BUMIPUTERA DIBUKA UNTUK JUALAN


RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT

- Luas Binaan : 2,129 kps
- Saiz Tanah : 42' x 80'
- Jumlah Unit Bumiputera : 8 unit
- Harga Bumiputera : RM1,526,200 (Min)
- Diskaun Bumiputera : 7%
- PEGANGAN BEBAS

Galeri Jualan

Level 1, Wisma DRB-Hicom, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, Shah Alam, Selangor

03 2052 8500



Sebuah Projek



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

Glenmarie Cove: P1 2024-4
 Alamat: Glenmarie Cove Development Sdn. Bhd. (570044-T) Ara 1, Wisma DRB-Hicom, No. 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor. No. Lesen Pemaju: 9364-502-2024/0630/R. Tempoh Sah: 23/2/2023 - 23/2/2028. No. Permit Rlan dan Jualan: 9364-480-2024/0716/R+L1. Tempoh Sah: 18/2/2023 - 17/2/2024. Pihak Berkuasa (PBT): Majlis Perbandaran Klang. No. Rujukan Pelan: MPK/02N-600-4/1009/2015. Harga Jualan: RM1,526,200 (min). - RM1,553,800 (maks). - Bilangan Unit: 8. Jenis Rumah: Rumah Bersewakan 1.5 Tingkat. Tarikh Dijangka Siap: Jan 2025. Pengekang Tanah: Kekal. Bersewakan. Tanah: Dicapai kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Skematik Keperluan: Tidak. Diskaun Bumiputera: 7%
 PBT: 2024-5. No. Lesen Pemaju: 9364-302-2023/01377/L1. Tempoh Sah: 23/2/2022 - 23/2/2023. No. Permit Rlan dan Jualan: 9364-502-2024/0763/R+L1. Tempoh Sah: 23/2/2022 - 23/2/2024. Pihak Berkuasa (PBT): Majlis Perbandaran Klang. No. Rujukan Pelan: MPK/02N-600-4/1009/2015. Harga Jualan: RM1,526,200 (min). - RM1,553,800 (maks). - Bilangan Unit: 8. Jenis Rumah: Rumah Bersewakan 1.5 Tingkat. Tarikh Dijangka Siap: Jan 2025. Pengekang Tanah: Kekal. Bersewakan. Tanah: Dicapai kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Skematik Keperluan: Tidak. Diskaun Bumiputera: 7%.

Bantu peniaga terjejas ribut

SHAH ALAM - Sebanyak 112 peniaga terjejas akibat ribut di Sepang pada 8 April bakal menerima RM200 daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Ketua tanggungjawab sosial korporatnya berkata sumbangan itu membabitkan 67 peniaga bazar Ramadan Putra Perdana dan 45 peniaga gerai sekitar Putra Perdana serta Pulau Meranti.

"Setiap peniaga bakal menerima RM200," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 30 April.

Beliau menjelaskan bantuan berkenaan dijadual disampaikan dalam majlis sambutan Aidilfitri anjuran penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil.

Pada 29 April, kira-kira 200 keluarga terjejas akibat ribut di Sepang menerima RM500 daripada Kerajaan Negeri yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Guru, murid dibenar berpakaian sukan

SHAH ALAM - Murid dan guru semua institusi bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibenar berpakaian sukan yang sopan ketika cuaca panas.

Pentadbiran sekolah juga perlu memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa supaya tindakan segera diambil bagi menjamin kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid.

"Bagi murid yang memakai pakaian seragam sekolah, pemakaian tali leher juga tidak diwajibkan," kata kenyataan pada 3 Mei susulan cuaca panas dan kering ketika ini.

Menurut KPM, fenomena tersebut adalah keragaman iklim yang berlaku secara tidak tetap dan cuaca panas boleh mencestuskan gelombang haba yang memudaratkan kesihatan.

Terus agih baucar Rahmah PLATS

SHAH ALAM - Pemberian baucar Rahmah Platform Selangor (PLATS) bernilai RM5 akan diteruskan kepada pengunjung pasar malam selepas Aidilfitri.

Ketua komunikasi sosial korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata agihan dibuat di kawasan luar bandar antaranya sekitar Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Langat.

"Untuk program ini, MBI memperuntuk sebanyak RM50,000 sekali gus disediakan 10,000 baucar untuk diagih kepada pengunjung pasar malam.

"Kita mahu bantu penduduk berdepan isu kenaikan harga barang dan dalam masa sama kita tolong peniaga jana pendapatan," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 24 April.

Sempena Ramadan lalu, MBI mengagih baucar berkenaan kepada 10,000 pengunjung bazar.

Kisah mangsa tembakan berhari raya

SHAH ALAM - Dua rakyat tempatan mangsa tembakan rambang ketika bersolat Jumaat di dua masjid di Christchurch, New Zealand empat tahun lalu berkongsi kisah menyambut Aidilfitri tahun ini.

Pertama kali pulang berhari raya di Tanjong Karang, Kuala Selangor

sejak tragedi yang mengorbankan 51 umat Islam itu, Noor Yahaya Hamzah, 59, meluahkan kesyukurannya dapat bertemu ibunya semula.

Meski Kamsaton Daud, 82, hingga kini tidak tahu nasib yang menimpanya atas sebab kesihatan, beliau banyak bercerita suasana kehidupan di negara Kiwi itu tanpa menyentuh kejadian itu.

Rahimi Ahmad, 42, yang lumpuh kaki kanan ekoran terkena tembakan senjata api Brenton Tarrant pula berkumpul bersama tiga keluarga mangsa tragedi itu di rumahnya di New Zealand pada 1 Syawal.

Dalam insiden berkenaan, seorang rakyat Malaysia Mohd Haziq Mohd Tarmizi, 17, antara yang syahid dalam peristiwa hitam di Masjid Al-Noor dan

Pusat Islam Linwood pada 15 Mac 2019.

Edisi 11-17 Mei turut memaparkan kisah pelakon Sophia Albarakbah menyambut lebaran bersama keluarga selepas dua tahun berturut-turut beraya di set penggambaran.

Pelakon drama air mata berusia 29 tahun itu turut membuat kek sebagai juadah istimewa Aidilfitri pada tahun ini untuk dikongsi bersama ahli keluarga.

Pancawarna juga merakam suasana rewang iaitu gotong-royong menyediakan pelbagai masakan tradisi Melayu sempena program rumah terbuka Jelajah Kita Selangor Aidilfitri di Klang pada 30 April.

Majlis berkenaan turut dihadiri Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.



Harap program diteruskan

Teruja 15 kali ke jualan murah

Oleh **SHAMZ JOHAN**

PETALING JAYA - Orang ramai menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri menyambung semula program jualan murah pada minggu ketiga Syawal.

Suri rumah, Siti Naqia Abdul Razak, 35, berkata penganjuran Jelajah Ehsan Rakyat (JER) membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri yang memahami keperluan rakyat terutama mereka yang menyambut Aidilfitri.

"Saya dan keluarga telah menge-

luarkan banyak belanja untuk persiapan Aidilfitri. Apabila jualan murah ayam, ikan dianjurkan, sedikit sebanyak meringankan beban membeli keperluan dapur.

"Di program JER, dengan bajet RM30 saja sudah cukup untuk membeli bekalan barangan dapur untuk hampir seminggu. Saya harap program ini diteruskan sepanjang tahun," katanya yang sudah lebih 15 kali ke program anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor itu.

Bagi Loke Sik Ken, 53, pula dia berpuas hati dengan inisiatif Ke-

rajaan Negeri menganjurkan program untuk membantu rakyat berpendapatan rendah.

"Saya rasa ia (program) bagus dan berharap diteruskan. Dengan tawaran harga murah pelbagai jenis barangan, penduduk dapat jimat lebih daripada separuh perbelanjaan dapur.

"Jika tanya saya atau sesiapa sahaja, sudah tentu kami semua mahu program ini berjalan sepanjang masa.

"Siapa yang tidak mahu jika berbelanja hanya berpuluh ringgit sahaja sudah dapat beli ikan, daging, telur," katanya pada 2 Mei.

Sanggup beratur dua jam awal

PETALING JAYA - Lebih 350 ayam habis terjual dalam program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) di Gelanggang Bola Keranjang, Kampung Chempaka di sini, pada 2 Mei.

Jualan murah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama mendapat sambutan dengan lebih 400 penduduk sekitar beratur sejak jam 8 pagi bagi mendapatkan barangan keperluan asas.

Pengetua Permata Ikhsan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Norsila Baruddin memberitahu antara produk yang laris selain ayam, terma-

suklah telur dan beras.

"Sambutan amat memberangsangkan walaupun rata-rata penduduk masih bercuti dan dalam suasana perayaan.

"Kita jangka pengunjung akan meningkat kerana banyak majlis dan rumah terbuka dianjurkan sehingga hujung bulan ini," katanya.

Terdahulu, wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin turut hadir ke program yang berlangsung dari jam 10 pagi hingga 1 tengahari bagi meninjau perjalanan jualan selain bertemu pen-

duduk setempat.

Program jualan murah tersebut menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal beku (RM10 per pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

Inisiatif tersebut memanfaatkan lebih dua juta penduduk Selangor sepanjang tiga bulan pelaksanaan dari September hingga Disember tahun lepas dan diteruskan mulai 15 Januari tahun ini.



Festival karya agung al-Ghazali



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Festival Turath Islami Selangor anjuran Kerajaan Negeri mengangkat kitab agung Ihya Ulumuddin karangan Hujjatul Islam Imam al-Ghazali yang mula diterjemahkan awal tahun ini.

Festival itu, yang berlangsung 20 hingga 25 Mei, akan menampilkan bekas mufti besar Mesir Profesor Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab (*foto kanan*) bagi membentang isi utama keseluruhan 40 bab dalam kitab ulung itu.

Penterjemahan 10 jilid kitab berbahasa Arab kepada 20 jilid edisi Melayu digerak Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) melalui tajaan Kerajaan Negeri. IBDE sangat dikenali sebagai penggerak projek terjemahan karya agung dunia melalui Siri Pencerahan Selangor sejak 2016.

Idea program selama enam hari, yang dilancarkan pada 1 Mei lalu, bertujuan menyemarak lagi minat rakyat terhadap pemikiran al-Ghazali, ilmuwan Islam pelbagai bidang yang berpengaruh ke serata dunia.

Timbalan Pengarah Sekretariat Festival Farhan Affandi memberitahu Selangorkini idea program itu muncul sewaktu berbincang dengan Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada Disember lalu.

Pada waktu itu, Kerajaan Negeri berminat menganjurkan seminar penghayatan Ihya Ulumuddin oleh beberapa ulama nusantara dan sekali gus melancarkan projek penterjemahan karya itu.

"Dalam perbincangan itu Dato' Menteri Besar cadangkan kita melancarkannya melalui program berskala besar untuk menyemarakkan



lagi program keilmuan, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menaja projek penterjemahan ini, dengan memanggil tokoh ilmuwan antarabangsa yang berpengaruh.

"Jadi, nama yang timbul ketika itu adalah Dr Ali Jum'ah. Jadi kami menghantar wakil (untuk jemputan) dan beliau bersetuju untuk hadir. Beliau menjadi tokoh penting festival ini," katanya pada 2 Mei.

Farhan, yang juga pengarah eksekutif IBDE, berkata terjemahan Ihya Ulumuddin dijadual selama empat tahun dan dijangka siap pada 2026. Bab 1 berjudul Kitab Al-Ilmi (kitab ilmu) telah siap diterjemah dan akan diterbitkan sebulan lagi.

Soal jawab ilmiah

Sambutan festival itu dimulai majlis talaqqi kitab Ihya Ulumuddin oleh Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni sebanyak dua sesi di Kediaman Rasmi Menteri Besar pada 1 Mei.

Farhan menjelaskan sekretariat itu turut menyusun program khusus, termasuk dua yang tertutup, dalam tempoh seminggu hujung bulan ini.

Program yang terbuka kepada orang ramai antaranya Seminar Penghayatan Ihya' Ulumuddin, Sama' (Pembacaan) Sifat Nabi Ihya' Ulumuddin dan Ijazah Hadis Musalsal, serta Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah.

Acara tertutup pula melibatkan Munaqasyah Ilmiah, soal jawab ilmiah berkaitan cabaran terhadap tradisi turath Islami dalam abad ke-21, dan Muzakarah Ulama-Umara.



Selain Dr Ali Jum'ah, tokoh ilmuwan Islam dari luar negara yang bersetuju hadir termasuk:

- **Dr KH Said Aqil Siradj** (*foto kiri*) – pengerusi Nahdhatul Ulama, Indonesia daripada 2010 sehingga 2021
- **Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni** – ulama dan tuan guru pondok Maahad Darul Muhajirin di Kampung Dusun Sepanjang, Pattani, Thailand
- **Baba Haji Ghazali Ahmad Al-Fathoni** – ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani dan tuan guru Pondok Al-Islami Liddirasat Al-Islamiah Kampung Wakaf Budi, Sekam, Pattani, Thailand

● **Dr Nadirsyah Hosen** – profesor madya Fakulti Undang-undang Universiti Monash dan pengurus Cabang Istimewa Nahdhatul Ulama di Australia dan New Zealand.

Sementara itu tokoh ilmuwan Islam tempatan yang dijadual membentangkan pemikiran masing-masing:

- **Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar** – pemegang Kerusi al-Ghazali di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)
- **Dato' Setia Dr Anhar Opir** – mufti Selangor
- **Datuk Dr Luqman Abdullah** – mufti Wilayah Persekutuan
- **Prof Datuk Dr Muhammad Nur Manuty** – ahli Felo Kehormat Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) Asia Timur dan Asia Tenggara

Mereka yang ingin menyertai Festival Turath Islami Selangor boleh merujuk semua program ini di laman www.turathislamiselangor.com

Oleh ALANG BENDAHARA
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Rezeki Syawal

Bermula pemberian hamper barangan keperluan harian bernilai RM42 kepada golongan miskin sempena Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali kira-kira 15 tahun lalu, insentif berkenaan diperkemas Kerajaan Negeri selaras peredaran masa.

Sejak 2013, bantuan diubah kepada pemberian baucar RM100 yang boleh ditebus di pasar raya terpilih menerusi program Jom Shopping Perayaan, salah satu inisiatif Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Menyedari kos sara hidup yang menekan ketika ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan peningkatan bantuan kepada RM200 pada 2023.

Had pendapatan bulanan isi rumah pemohon pula ditingkatkan kepada RM3,000 sebulan berbanding RM2,000 sebelum ini. Pakej turut diperluas kepada peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas).

Sejak 2013 hingga tahun ini, hampir RM100 juta dibelanjakan untuk membiayai program berkenaan yang memanfaatkan lebih 830,000 isi rumah.

Berikut reaksi penerima baucar Jom Shopping Perayaan dalam kalangan umat Islam yang menyambut Aidilfitri pada bulan depan. Mereka ditemu bual pada 2 April.

“Saya bersyukur kerana jumlah bantuan dinaikkan kepada RM200 pada tahun ini memandangkan harga barang semakin mahal. Penebusan baucar seperti ini lebih cepat dan mudah.”

Raja Johari Raja Musa, pengawal keselamatan, 63



“Syukur ada rezeki sempena Ramadan ini, baucar ini nanti akan saya guna untuk keperluan barang basah ketika Aidilfitri nanti. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang membantu memeriahkan sambutan kami sekeluarga.”

Noraszalza Mohd Sazali, pekerja swasta, 38

“Program ini membantu saya yang kehilangan kerja ketika Covid-19. Selepas Dato' Menteri Besar umum saya terus daftar. Baucar ini dapat menolong keperluan saya dan dua anak yang masih belajar, boleh beli keperluan Aidilfitri.”

Zuraidah Shaari, pesara swasta, 60

“Saya gembira kerana Kerajaan Negeri membantu meringankan rakyat dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Jom Shopping Perayaan. Kenaikan nilai baucar ini membantu menghadapi kos sara hidup semakin meningkat.”

Norazmah Jamanshah, ibu tunggal, 61



JOM SHOPPING PERAYAAN

TAHUN	BILANGAN PENERIMA	PERUNTUKAN (RM JUTA)
2013	61,600	5.3
2014	65,104	6.8
2015	66,905	6.8
2016	79,936	8.2
2017	83,110	8.4
2018	83,445	8.4
2019	82,925	8.4
2020	79,089	8.0
2021	77,399	8.0
2022	70,995	7.3
2023	82,400	16.8
JUMLAH	832,908	92.4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor

“Saya bukan orang senang dan bila dapat sumbangan macam ini amat saya hargai kerana dapat mengurangkan beban keluarga. Baucar ini akan saya gunakan untuk membeli barangan dapur dan baju raya.”

Abdul Halim Mohamad Daud, pengawal keselamatan, 53



“Baucar ini saya gunakan membeli barangan untuk persiapan hari raya serta keperluan harian. Ia amat membantu mengurangkan perbelanjaan saya untuk raya.”

Abdul Wahab Said, pesara swasta, 68





Oleh SHEEDA FATHIL
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Alah bisa tegal biasa buat Erra Fazira mengorbankan sambutan Aidilfitri demi menyiapkan projek filem atau drama dibintanginya.

Malah, sudah berkali-kali pemilik nama sebenar Fazira Wan Chek beraya di set penggambaran sepanjang tiga dekad dalam industri seni.

Tiada ronta di hati bersama orang tersayang pada 1 Syawal sejak 30 tahun lalu kerana enggan menghampakan kru produksi dan rakan artis yang bekerja bersama.

Mengukir nama menerusi Sembilu arahan Datuk Yusof Haslam, Erra mencipta fenomena era 1990-an dan 2000-an dengan naskhah Sembilu II, Maria Mariana dan Pasrah.

Bintang filem Melayu berusia 49 tahun itu berkongsi, antara penggambaran dijalani sehingga terpaksa beraya di set ialah telefilem Kalut Nak Raya 2017.

Begitu juga rancangan televisyen Simfoni Aidilfitri 2018 dan Fiesta Aidilfitri 1993 yang dirakam ketika era awalnya sebagai artis.

Namun, anak kelahiran Sungai Choh, Rawang itu mengaku, kini beliau mahu masa lebih banyak bersama anak Engku Aleesya Engku Emran, terutama ketika lebaran berbanding sibuk dengan penggambaran.

"Tawaran berlakon watak besar seperti heroin itu ada, tetapi terpaksa menolak kerana perlu membahagikan masa bersama anak dan mengurus perniagaan," katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Berkongsi persiapan raya tahun ini, bekas ratu cantik Malaysia 1992 itu bersederhana menyambut Syawal bersama Engku

Korban raya demi filem



Aleesya.

"Cukup ada lemay, ketupat dan rendang. Sudah boleh menciptakan suasana raya," katanya yang memilih biskut kelapa sebagai kuih raya kegemaran.

Pelantun lagu Yang Terindah Hanya Sementara itu berkata, kampung di Sungai Choh menjadi lokasi beliau sekeluarga berkumpul apabila lebaran.

Bagaimanapun, sejak beberapa tahun lalu beliau lebih banyak beraya di Kuala Lumpur selepas ketiadaan nenek yang meninggal dunia pada 2014.

"Sebelum ini, Sungai Choh, Rawang akan menjadi lokasi wajib saya berkumpul

sesama ahli keluarga. Sejak ketiadaan nenek, kenikmatan berkumpul di kampung semakin menghakis.

"Aktiviti lebih tertumpu di rumah ibu di Kuala Lumpur. Balik Rawang pun untuk ziarah kubur nenek," katanya.

Siulan ramai

Ditanya perkara menggemirakan dirinya sepanjang dalam bidang seni, Erra berpandangan hadiah paling berharga apabila lakonannya mendapat sambutan dan lagunya menjadi siulan ramai.

"Apabila sudah menjadi artis, kita tidak boleh tumpu satu bidang kerja sahaja. Sebaliknya perlu berani mencuba dan pandai ambil peluang menceburi bidang lain.

"Penting sebagai anak seni perlu kuat dan tidak cepat melatah," katanya.

Erra bakal muncul dengan lagu baharu selepas Hari Raya Aidiladha pada Jun tahun ini.

"Insyallah selepas raya Aidilfitri kita mula masuk studio untuk rekod kemudian selepas raya haji kita akan terbitkan khas buat peminat Erra Fazira. Buat masa ini kita rahsiakan dahulu tajuk lagu ini, tunggu ya," seloroh Erra.

Selain kerjaya seni, Erra mahu mengembangkan lagi perniagaannya. Ketika ini beliau sibuk menguruskan perniagaan tudung jenama sendiri dikenali Heyrra yang dilancar pada 2022.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan cek cura gerai cantik kepada Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof



Meriah Syawal

DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyampaikan duit raya ketika rumah terbuka Padang Taman Seri Kerayong, Klang

Bagi menambah riang ria Syawal, Kerajaan Negeri menganjurkan rumah terbuka Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri di semua sembilan daerah. Di tiga daerah, majlis Rewang Sekampung diadakan seawal 9 pagi. Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan meriahkan sambutan. Sepang, Hulu Selangor dan Klang membuka tirai pengajuran masing-masing pada 28 April, 29 April dan 30 April. Jurufoto MOHD YUSNI ARIFFIN dan HAFIZ OTHMAN merakam kemeriahan acara di tiga daerah itu. Keterangan foto disediakan NADIAH ZAMLUS. Sebanyak 12 lagi foto dalam edisi akhbar digital.



Orang ramai beratur mendapatkan hidangan sate rumah terbuka Klang



Anggota bomba dan penyelamat Kuala Kubu Bharu bergambar dengan kendera saji yang menghidangkan 1,000 roti john di rumah terbuka Padang Awam Hulu Bernam, Hulu Selangor



Peniaga memotong daging kambing bakar, antara juadah istimewa rumah terbuka Hulu Selangor



Peserta rewang bertungkus lumus menyediakan lemang untuk rumah terbuka peringkat Klang



Sekumpulan gadis sedang memilih aneka air balang ketika jamuan di Hulu Selangor



Penari kebudayaan Majlis Perbandaran Sepang menghiburkan tetamu pada rumah terbuka Pekan Salak, Sepang



Penyanyi Siti Nordiana mendendangkan lagu Keindahan Aidilfitri di rumah terbuka Sepang

Lebih 10,000 pengunjung memenuhi tapak pasar pagi Pekan Salak sejak jam 8 malam



Warga bukan Islam turut sama memeriahkan jamuan rumah terbuka Aidilfitri Klang



Dato' Seri Amirudin Shari menunjukkan bakat menganyam ketupat sambil diperhati EXCO Kerajaan Negeri Borhan Aman Shah



Amirudin bersama pegawai kerajaan dan pemimpin setempat ketika sambutan Aidilfitri Hulu Selangor



Pelbagai jenis minuman menarik boleh dipilih tetamu rumah terbuka di tapak pasar pagi Pekan Salak



Pondok hiasan di rumah terbuka tapak pasar pagi Pekan Salak menjadi tumpuan orang ramai bergambar



Jay Jay antara artis undangan Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri di padang Taman Awam Hulu Bernam



Aiskrim antara menu pilihan pengunjung dewasa dan kanak-kanak di Sepang



Amirudin bermesra dengan keluarga kaum India yang turut memeriahkan sambutan Aidilfitri



Sebahagian peserta gotong-royong rewang sekampung membuat persiapan rumah terbuka di Klang



Hampir 10,000 pengunjung hadir ke rumah terbuka di Padang Awam Hulu Bernam



Pengunjung Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri peringkat Klang dihiburkan dengan persembahan tarian



Orang ramai mengambil kambing bakar yang dihidang ketika jamuan raya di Klang



Pengunjung menikmati makanan ketika jamuan Aidilfitri di Hulu Selangor, lebih 30 gerai juadah disediakan



Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Pokok 'menangis'



Penyelidik kedoktoran di Universiti Teknologi Mara, **ZAMIR MOHYEDIN** seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Baru-baru ini, saintis daripada Universiti Tel Aviv, Israel mendapati tumbuhan menghasilkan bunyi yang kerap apabila dipotong ataupun tidak disiram.

Seolah-olah tumbuhan sedang menangis apabila mengalami tekanan. Mereka mendapati apabila dahannya dipotong, tumbuhan akan menghasilkan sebanyak 35 bunyian dalam tempoh sejam.

Bunyi ini pula dapat didengar melalui mesin sejauh beberapa meter. Jika tumbuhannya disiram dan dahannya tidak dipotong, ia hanya akan menghasilkan sekitar satu bunyian sahaja dalam tempoh sejam.

Kejadian ini pelik sebab kita tidak pernah dengar tumbuhan menghasilkan bunyi walau kita potong dahannya atau dijaga dengan baik. Sebabnya tumbuhan menghasilkan bunyi pada julat yang manusia tidak mampu dengar.

Manusia mampu mendengar bunyi daripada 31 hertz (hz) hingga ke 19 (kilohertz) khz. Tumbuhan pula menghasilkan bunyi dalam julat 20 khz hingga ke 100 khz iaitu bunyi ultrasonik yang hanya beberapa haiwan sahaja dapat mendengarnya seperti kucing (55 hz – 77 khz), kelawar (530 hz – 75 khz), arnab (96 hz – 49 khz)

dan tikus (900 hz – 79 khz).

Jadi, bagaimana saintis dapat dengar tumbuhan ini menghasilkan bunyi apabila tertekan? Guna mikrofon. Mereka letak tumbuhan tembakau dan tomato dalam sebuah kotak kedap bunyi supaya tiada gangguan daripada luar bersama dengan mikrofon.

Mikrofon ini akan merekod sebarang bunyi dihasilkan tumbuhan. Kalau manusia tertekan, biasanya kita akan menjerit ataupun menangis, tetapi tumbuhan tidak menghasilkan bunyi sebegitu.

Ia menghasilkan bunyi seperti bertih jagung yang sedang dimasak dalam ketuhar – bunyi 'pop'. Untuk menjadikan kejadian ini lebih realistik, tumbuhan ini juga diletakkan di rumah hijau (greenhouse).

Segala bunyi angin dan pendingin hawa ditapis dengan bantuan mesin. Hasilnya tumbuhan tetap menghasilkan bunyi.

Seperkara lagi kita perlu maklum, tumbuhan tidak mempunyai paru-paru ataupun pita suara untuk hasilkan bunyi seperti haiwan.

Hasil buih

Jadi, bagaimana tumbuhan boleh buat bunyi apabila tertekan? Setakat ini, saintis berteori tumbuhan menghasilkan bunyi melalui saluran yang menghantar air dari akar ke dahan dan daun iaitu xylem.

Mereka berpendapat, apabila tumbuhan tidak disiram dalam cuaca kering, air yang melalui xylem akan menghasilkan buih dan buih ini berkembang lalu meletup.

Letupan buih ini mungkin yang menghasilkan bunyi pop. Bagaimanapun, bunyian tumbuhan perlu dikaji lebih lanjut untuk mengetahui punca bunyi tersebut dengan lebih terperinci.

Setakat ini, bukan setakat pokok tembakau dan tomato sahaja yang menangis apabila tidak dijaga dengan baik, pokok gandum, jagung dan anggur pun pernah dilakukan kajian dan hasilnya konsisten.

Sebelum kajian ini dibuat, sekumpulan saintis yang sama pernah buat kajian sama ada tumbuhan boleh dengar bunyi ataupun tidak.

Mereka mendapati tumbuhan pun sebenarnya boleh dengar bunyi. Apabila pokok *Oenothera drummondii* didedahkan dengan bunyi lebah, ia akan mengeluarkan madunya.

Penemuan ini penting kerana kemampuan tumbuhan untuk mendengar bunyi merupakan sifat penting tumbuhan bagi memelihara ekosistem.

Jika tumbuhan tiada sifat ini, ia mungkin tidak merembeskan madu dengan kehadiran lebah. Perkara akan jadi berantai. Lebah pun tidak akan dapat makanan dan ia tidak dapat melangsungkan hidup.

Lebah merupakan salah satu daripada lima spesies terpenting bagi kelangsungan hidup manusia selain daripada kelawar, plankton, primat dan rama-rama.

Tanpa lebah, proses pendebungaan tumbuhan terjejas. Akibatnya sumber buah dan sayur terjejas. Kemudian, hilangnya sumber daging.

Rantaian makanan runtuh. Keruntuhan rantaian makanan ini bukan sahaja menjejaskan haiwan dan tumbuhan, tetapi juga manusia.

Penangan kuih tepung pelita

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Bermodalkan syiling hasil tabungan kurang RM50, Wati Abd Rahman, 50, memulakan perniagaan Tepung Pelita Istimewa Paya Jaras pada 1999.

Dibantu suami Nadzri Taris, 48, kuih tepung pelita yang dihantar ke kantin sekolah di Paya Jaras pada mulanya ditolak. Namun, dia enggan mengalah.

"Masa mula-mula hantar ke sekolah, kantin tidak mahu sebab takut tidak boleh jual. Jadi saya cakap, tidak mengapa, saya sedekah.

"Esoknya saya datang ambil semula talam, mereka beritahu mahu dua talam untuk jual," kata Wati ketika ditemui Selangorkini baru-baru ini.

Sejak itu permintaan tepung pelita keluaran Naluri Idea Sdn Bhd terus meningkat saban tahun, terutama bulan puasa dan Syawal.

Selepas 23 tahun, mereka kini mempunyai lebih 150 ejen di Selangor dan negeri jiran bagi memenuhi pasaran Tepung Pelita Istimewa Paya Jaras.

Setiap ejen mampu menjual antara 20 hingga 150 talam sehari yang setiap satu ada 70 tepung pelita, bergantung kepada lokasi.

Mula berniaga

Mengaku awalnya tidak pandai membuat kuih tepung pelita, anak jati Paya Jaras itu belajar sendiri berpandukan resipi bapa saudara, sementara Nadzri membantu memasarkannya.

"Masa mula berniaga di pasar malam kami tiada kenderaan. Mahu sewa van tetapi tidak cukup duit. Jumpa seorang pemilik van cakap, boleh tak sewa van tetapi bayar selepas berniaga sebab tiada duit," katanya.

Pada masa itu, kuih buatan Wati hanya dijual di pasar malam dan mendapat sambutan. Pada 2001, mereka mencuba nasib di bazar Ramadan Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh.

"Mula-mula berniaga bazar Ramadan pun drama juga. Saya bawa 20 talam. Jam 5.30 petang jualan peniaga lain ramai orang beli, tetapi tepung pelita saya masih tak jalan.

"Rasa macam mahu menangis. Hampir 6.30



petang barulah orang mula serbu beli. Alhamdulillah, tak sampai sejam habis 20 talam," katanya.

Ternyata pelanggan menggemari tepung pelitanya. Hal itu membuatkan ramai penduduk kampung berminat menjual kuih keluaran mereka itu.

Pada 2002, Wati dan Nadzri mula memasarkan produk menerusi penduduk kampung yang menjadi ejen pada Ramadan tahun itu.

Sejak itu, tempahan slot ejen jualan Tepung Pelita Paya Jaras pada bulan puasa setiap tahun selalu penuh.

Bagi menampung pengeluaran semakin tinggi, pada 2010, mereka memindahkan operasi ke kilang yang disewa di Kampung Paya Jaras Hilir.

Mereka turut menggajikan 100 tukang masak, demi memastikan pengeluaran mengikut jadual.

Penyediaan kekal secara tradisional. Penggunaan mesin hanya memotong daun pisang dijadikan bekas kuih.

Istimewa

Wati amat menjaga kualiti Tepung Pelita Istimewa Paya Jaras. Bagi menepati piawai keenakan, setiap pengeluaran dihabiskan pada hari sama.

"Saya tidak kedekut bahan. Ada peniaga bila perniagaan ada nama, mereka kurangkan bahan tetapi saya tidak. Walau untung ciput, janji makan puas hati," katanya.

Sementara itu, Wati berkongsi pihaknya terpaksa berdepan isu pengusaha lain menggunakan jenama Tepung Pelita Istimewa Paya Jaras tanpa izin.

Keadaan itu berlaku kerana usaha mendaftarkan jenama Tepung Pelita Istimewa Paya Jaras gagal berikutan syarat tidak membenarkan nama tempat dihakmilikan.

Menyedari potensi pasaran produknya, Wati dan Nadzri merancang memasarkan Tepung Pelita Istimewa Paya Jaras ke seluruh negara.

Penyelidikan dan pembangunan giat dijalankan supaya boleh dijadikan produk sejuk beku untuk pasaran seluruh negara.



Alexander, buka balik pintu saya!

Oleh PAUL KHOO
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Alexander Graham Bell, anda yang mengajar kami: Ketika sebuah pintu tertutup, pintu lain akan terbuka, maka usahlah kita terpaksa terlalu lama di depan pintu yang tertutup itu.

Sekali baca, alangkah sedapnya bujukan anda itu, Alexander! Seolah-olah masalah kita boleh selesai dengan hanya mengalihkan pandangan ke tempat lain. Tapi Alexander, masalah saya tidak selesai semudah itu.

Kalau saya sudah masuk ke dalam bilik, tiba-tiba pintu yang saya langkahi tadi terkunci, bagaimana? Apakah yang harus saya lakukan, wahai Alexander Yang Berhormat?

Saya seorang yang suka membaca, tetapi saya tidak suka bercerita. Saya seorang yang suka menulis, tetapi saya tidak suka berucap. Saya berupaya mengingat 335 halaman rumus Tatabahasa Dewan, tetapi saya tidak mampu mengulang tiga halaman skrip syarahan. (Mungkin bukan semua halaman Tatabahasa Dewan, tetapi anda faham maksud saya.)

Itulah sebabnya, Alexander. Ketika umur saya 12 tahun, Cikgu Yeap mengajak saya untuk menyertai Pertandingan Ujian Bertulis Bahasa Melayu SJKC dan SJKT Piala Perpaduan Perdana Menteri. Beliau tidak menyuruh saya menyertai Pertandingan Syarahan.

Mungkin Alexander tidak tahu. Dalam pertandingan ujian bertulis, saya perlu menjawab 100 soalan pemahaman dan tatabahasa bahasa Melayu. Aras kesukaran soalan pula pada tahap sekolah menengah, ia benar-benar susah! Anehnya, saya teruja melakukannya. Saya berlatih dengan Cikgu Yeap sehingga menjadi naib johan peringkat negeri Kelantan, kemudian saya mara ke peringkat kebangsaan.

Itulah kali pertama saya memakai baju merah pasukan negeri Kelantan, menaiki bas malam dari Tanah Merah menghala ke Johor Bahru. Kali pertama juga saya dapat menginap di dalam New York Hotel, sekamar dengan guru besar saya, Encik Siew. Kali pertama juga saya makan udang galah dan ketam di restoran (sampai mata saya kemerah-merahan kerana alergi). Saya membawa pulang sebatang pensel merah yang bertatahkan nama New York Hotel dan sekeping cenderamata kuda kepang untuk ibu saya. Ibu saya juga membeli surat khabar pada hari pertandingan itu, sesuatu yang tidak pernah dilakukan sepanjang hayatnya. Kesemua itu masih tersimpan di dalam almari baju saya di Tanah Merah.

Saya terlalu rindu akan pertandingan itu, Alexander, tetapi ia cuma untuk murid sekolah rendah. Itulah sebabnya saya masuk ke Institut Pendidikan Guru (IPG). Kebetulan pula saya dapat IPG di Johor

Bahru juga. Saya menuntut di sana hampir enam tahun, kemudian saya menjadi guru di SJKC. Saya berhempas-pulas mendapatkan hak mengajarkan bahasa Melayu di sekolah itu. Dua tahun kemudian barulah saya berjaya dan saya menjadi jurulatih pertandingan ujian bertulis.

Saya selalu memberitahu murid-murid saya. Orang bahasa tidak semestinya perlu bercakap berdegar-degar di atas pentas. Orang bahasa tidak semestinya perlu mendengar tepukan gemuruh daripada ribuan tukang sorak. Ada juga orang bahasa yang boleh duduk diam di meja, menghadap kertas dan menyelesaikan soalan-soalan bahasa dengan bergaya. Kita patut bangga menjadi sebahagian daripada pasukan ujian bertulis bahasa Melayu, itu yang selalu saya katakan.

Sepanjang empat tahun menjadi jurulatih, Alexander, dua kali saya berjaya menghantar murid saya ke peringkat kebangsaan. Pada tahun 2019, saya menghantar dua orang murid. Tahun lepas pula, saya menghantar empat orang murid. Lazimnya pertandingan peringkat kebangsaan akan diadakan di negeri lain, jadi murid saya dapatlah juga makan angin sambil menimba pengalaman. Malangnya tahun lepas mereka cuma boleh ber-google meet kerana ancaman Covid-19. Saya sedih apabila mengenangkan bahawa mereka terlepas peluang untuk merasai pengalaman seperti saya sewaktu di New York Hotel dulu, tetapi saya memujuk mereka

supaya terus berusaha, saya berjanji akan membawa mereka ke peringkat kebangsaan lagi tahun ini.

Kami sudah mula berlatih menjawab 100 soalan tiga hari seminggu, sejak awal bulan Mac lagi, Alexander. Saya sudah menemukan sembilan orang calon harapan saya. Kami yakin dapat menjawab dengan baik pada 24 Jun nanti (peringkat negeri). Kami mahu ke peringkat kebangsaan!

Tiba-tiba, anda menutup pintu kami. Bahkan, anda menguncinya terus. Tidak semena-mena anda beritahu kami, anda mahu melakukan "penambahbaikan". Tidak ada lagi pertandingan ujian bertulis mulai tahun ini, anda gantikan dengan Pertandingan Bercerita (berpasangan).


Anda mengunci pintu kami untuk selamanya, Alexander! Atas nama penambahbaikan, anda membuka pintu lain, tetapi anda tidak sedar kami sudah berada di dalam bilik itu. Sekarang sudah bulan April, Alexander! Adakah anda menyangka kami masih tercegat di hadapan pintu sepanjang masa ini? Kami sudah memulakan latihan dua bulan, dan kini anda membuat keputusan drastik untuk menguncinya begitu sahaja!

Wahai Alexander Yang Berhormat, apakah kepentingan "penambahbaikan" ini? Adakah pertandingan ujian bertulis tidak mendapat sambutan yang menggalakkan? Setahu saya, setiap tahun ramai sahaja wakil setiap negeri yang dihantar untuk bertanding. Adakah pertandingan ujian bertulis tidak membawa apa-apa manfaat? Setahu saya, ramai sahaja murid saya yang bertambah maju dalam bahasa Melayu selepas menyertai pertandingan ini.

Dan tolonglah Alexander Yang Berhormat, kalau anda mahu menutup sesebuah pintu, bolehkah anda jenguk ke dalam bilik itu sekejap? Atau setidak-tidaknya, buatlah pengumuman lebih awal supaya kami di dalam bilik tahu bahawa anda bakal mengunci pintu. Sekurang-kurangnya, berikanlah kami tempoh akhir tahun ini supaya kami dapat mengemas barang-barang di dalam bilik, supaya kami meninggalkan bilik ini dengan bermaruah, bukannya seperti dihalau keluar dan dihambat ke bilik yang lain. Dan belum tentu kami mahu masuk ke dalam bilik yang begitu berbeza sekali daripada bilik asal kami. Kami orang bahasa yang lebih suka duduk bergaya di depan meja!

Kepada Arivan, Nicol, Adelyn, Yvonne, Edanny, Kang Yao, Jessica, Cynthia, dan juga Jun Liang, cikgu minta maaf kerana tidak dapat menunaikan janji untuk membawa kalian ke pertandingan ujian bertulis peringkat kebangsaan. Cikgu harap, kalian teruskanlah hidup dan usahlah terlalu lama terpaksa di depan pintu yang sudah terkunci.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/





CAKNA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan bantuan bencana kepada peniaga terjejas akibat ribut di Dewan Komuniti Pulau Meranti, Sepang pada 29 April. Foto NAZIR KHAIRI ▶ BERITA MUKA 8

Tumpu pendapatan minimum

Tekad tingkat gaji penjawat awam

SHAH ALAM - Penilaian dan kajian semula gaji penjawat awam khususnya peringkat rendah akan dibuat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengakui gaji mereka tidak memuaskan, beliau sedia meneliti tuntutan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

"Bagi saya tempoh setahun, kalau ada trend peningkatan hasil, yang utama adalah upah penjawat awam.

"Sementara itu, segala bonus dan

apa-apa kemudahan termasuk kesihatan, pendidikan yang harus kita dibantu, saya akan segerakan sebaik sahaja ada peruntukan," katanya seperti di-lapor Bernama.

Dalam majlis sempena sambutan Hari Pekerja di Putrajaya, Anwar juga mengumumkan peruntukan tambahan masing-masing RM1 juta kepada MTUC dan Cuepacs bagi memperkemas pengurusan mereka.

Selain itu, beliau berkata pelaksanaan gaji minimum dibincang pada bulan depan untuk mencapai penyelesaian

"sekali dan untuk semua".

"Sebab itu dalam mesyuarat jemaah menteri bulan depan kita nak selesaikan once and for all (sekali dan untuk semua)," katanya.

Anwar menegaskan kerajaan mengutamakan peningkatan upah pekerja baik termasuk sektor swasta, lebih-lebih lagi ada syarikat mencatat pertambahan keuntungan tetapi upah pekerja tidak naik.

"Setiap pekerja yang memberi sumbangan harus diberi pengiktirafan tidak mengira jawatan dan pangkat," katanya.

Pertimbang caruman 20 peratus

SHAH ALAM - Kerajaan sedia mempertimbang cadangan supaya kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada majikan dinaik kepada 20 peratus berbanding 13 peratus ketika ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan hasrat berkenaan akan dibawa untuk dibincang dalam mesyuarat jemaah menteri, lapor Berita Harian.

"Itu (cadangan) ada dikemukakan tetapi kita belum bawa kepada jemaah menteri, akan dibincang dahulu (kerana) keputusan dasar, ada impak (kepada) kerajaan dan majikan," katanya.

Beliau ditemui selepas menyempurnakan sambutan Hari Pekerja 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di Putrajaya pada 1 Mei.

Majlis Rangkaian Kesatuan Seker-

ja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) menyenaraikan cadangan itu dalam 12 syor untuk dipertimbang kerajaan termasuk kajian semula umur bersara wajib.

Terdahulu, Anwar dalam ucapannya mengingatkan golongan majikan supaya tidak hanya mementingkan keuntungan hingga mengetepi hak pekerja sebaliknya sedia menaikkan kadar upah.

Tambah RM3 juta bina masjid

SHAH ALAM - Kerajaan menambah peruntukan untuk membina Masjid Changlun, Kedah sebanyak RM3.07 juta, menjadikan keseluruhan kos berjumlah RM5.77 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata projek itu akan dilaksanakan segera demi manfaat masyarakat setempat sekali gus mengimarah masjid, lapor Bernama.

"Kerajaan Perpaduan prihatin dan komited dalam memastikan pembangunan yang seimbang antara semua negeri di negara ini," katanya yang juga menteri kewangan pada 30 April.

Anwar turut mengulangi Kerajaan Perpaduan tidak meminggirkan mana-mana negeri demi kepentingan rakyat.

Pakar saran minum enam gelas sehari

SHAH ALAM - Orang ramai diminta mengurangkan kegiatan luar bagi mengelak masalah kesihatan akibat tubuh kekurangan air termasuk strok haba berikutan cuaca panas.

Pakar kesihatan daripada Universiti Putra Malaysia Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata mereka disaran minum air sekurang-kurangnya 2.5 liter atau enam gelas sehari, lapor Sinar Harian.

"Apabila tubuh tidak mendapat air yang mencukupi, ia mengakibatkan kekejangan dan keletihan yang boleh menyumbang kepada strok haba.

"Keadaan itu boleh menyebabkan seseorang pengsan sehingga berisiko berhadapan dengan kematian," katanya.

Beliau turut menyarankan orang ramai untuk berada di kawasan terlindung daripada gelombang panas dan ada pengudaraan baik serta mengambil juadah seperti sup serta buah-buahan berair.

Diskaun teruskan Menu Rahmah

SHAH ALAM - Kadar diskaun khas harga barangan mentah akan diberi kepada pengusaha menu Rahmah bagi memastikan inisiatif itu berterusan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata inisiatif tersebut hasil usaha sama kerajaan dan pasar raya terpilih untuk barangan antaranya ayam, bawang dan barang asas makanan, lapor Bernama.

"Diharapkan dapat memberi kelegaan kepada pengusaha seterusnya memastikan kelangsungan pelaksanaan menu Rahmah yang memberi manfaat besar kepada rakyat kurang berkemampuan," katanya.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata kerajaan menghargai sumbangan pengusaha Menu Rahmah yang sama-sama menjayakan usaha untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

MBSJ lantik datuk bandar baharu

SHAH ALAM - Bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Mohd Fauzi Mohd Yatim dilantik ke jawatan baharu berkuat kuasa pada 2 Mei.

Perubahan jawatan berkenaan turut melibatkan tiga pegawai lain bagi memantapkan lagi perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) menerusi Facebook memaklumkan Mohd Fauzi dilantik sebagai Datuk Bandar Subang Jaya.

Jawatan yang ditinggalkan Mohd Fauzi diisi oleh bekas Pegawai Daerah Hulu Langat Dr Ani Ahmad.

Pelantikan Dr Ani menjadikan beliau wanita pertama memegang jawatan Yang Dipertua MPAJ.

Bekas Pegawai Daerah Petaling Dato' Mohd Jusni Hashim pula menggantikan tempat Dr Ani.

Sementara itu, bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) Rahilah Rahmat pula menggantikan tempat Mohd Jusni.

Surat pelantikan semua pegawai pentadbiran tersebut disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kassim di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam.

Dana negeri pembangkang ditambah

SHAH ALAM - Kerajaan tidak menganak tiri mana-mana negeri yang ditadbir pembangkang termasuk Kedah sebaliknya peruntukan kepada mereka ditambah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwaan kononnya beliau berbuat demikian terhadap negeri yang ditadbir Perikatan Nasional (PN), lapor Bernama.

"Untuk Johor naik peruntukan, untuk Kedah naik peruntukan, Alhamdulillah,

tapi ada yang pakai serban cakap Anwar ini telah menganak tiri (negeri pembangkang). Itu cakap fitnah," katanya.

Kedah menerima peruntukan tertinggi mencecah RM1.6 bilion untuk 2023 tidak termasuk bantuan untuk sekolah dan klinik daif dan projek bekalan air.

Johor pula menerima dana tambahan RM150 juta bagi menjayakan kerja pemulihan meliputi program dan projek pascabanjir. Berucap dalam program Himpunan

Madani Kedah 2023 di Alor Setar, Kedah pada 28 April, Anwar menegaskan beliau tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa sebaliknya mahu membangunkan negara.

Beliau juga berazam untuk membuktikan kepada negara dan dunia terdapat orang Melayu yang boleh memimpin negara dengan baik dan mampu membawa perubahan atas nama Islam.

"Saya harap anak muda di negara ini bawa juga perubahan ini, bukan dengan kebencian tetapi dengan kasih sayang," katanya.



RM5 juta perkasa karya sasterawan

SHAH ALAM - Kerajaan meluluskan peruntukan tambahan RM3 juta untuk pengurusan Yayasan Karyawan dan RM2 juta bagi mempopularkan karya sasterawan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dana itu membantu penerbitan 60 judul baharu untuk dikembangkan menjadi karya agung yang boleh diteladani, lapor Bernama.

"Kita tidak mahu hasil karya hanya berlegar dalam kalangan elit yang

memenuhi rak buku di perpustakaan peribadi mereka.

"Saya akan memberikan apa sahaja sokongan yang perlu kerana bagi saya ini adalah berkenaan survival bangsa," katanya baru-baru ini.

Dana RM20 juta diperuntuk dalam belanjawan untuk usaha penterjemahan dan penerbitan melibatkan Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia serta Yayasan Karyawan.

Mengulas kepentingan untuk memperkasa karya dan ilmu sastera, Anwar berkata kekuatan ekonomi semata-mata tidak menjamin kekuatan sesebuah bangsa, negara atau tamadun.

"Bagi membangkitkan, membina, dan memperkasa bangsa itu harus berteraskan kekuatan bahasa budaya dan dengan memungkah semula, menggali dan menghebahkan khazanah bangsa kita sendiri.



Rumah Terbuka

Jelajah #KitaSelangor

1444H / 2023M **Aidilfitri**

DAERAH HULU LANGAT


Jumaat | 5 Mei 2023
 8.00 Malam - 11.00 Malam


Tapak Agora Night Market
 Taman Sri Nanding

DAERAH PETALING


Sabtu | 6 Mei 2023
 8.00 Malam - 11.00 Malam


Tapak Pasar Malam
 Paya Jaras

DAERAH KUALA LANGAT


Ahad | 7 Mei 2023
 8.00 Malam - 11.00 Malam


Taman Perwira
 Sijangkang



#SelangorMajuBersama #KitaSelangor

Amirudin Shan | amirudin_shan | AmirudinShan | amirudinshan | amirudinshan.com

www.selangor.gov.my



TANGGUNGJAWAB... Mohd Fauzi Mohd Yatim (dua, kiri) menandatangani watikah pelantikan sebagai datuk bandar Subang Jaya di ibu pejabat MBSJ pada 3 Mei. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Terima 14,168 rayuan

Raih RM5.6 juta selesai kompaun

Oleh AZIAN AZIZ

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengutip kira-kira RM5.6 juta hasil penyelesaian 97,693 kompaun letak kenderaan setakat Mac.

Yang Dipertuanya Najmuddin Jemain menjelaskan pihaknya juga menerima 14,168 rayuan penyelesaian kompaun dalam tempoh tersebut.

Beliau berkata Jabatan Undang-Undang MPKj mengeluarkan tiga notis peringatan setiap bulan kepada individu yang gagal menjelaskannya.

Segera mohon geran

SHAH ALAM - Permohonan Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) RM10,000 dan Geran Kecil Teknologi Hijau (GKTH) RM20,000 dibuka sehingga 10 Mei.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata keutamaan diberi kepada projek yang menghasilkan kesan positif kepada negeri termasuk mengurangkan risiko pencemaran alam serta bandar.

Beliau menjelaskan program itu bermatlamat untuk melaksanakan inisiatif yang membantu pentadbiran negeri menjayakan agenda kelestarian alam sekitar.

"Selain itu, membantu komuniti da-

"Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, sebanyak 14,000 notis peringatan penyelesaian kompaun dikeluarkan terhadap orang yang gagal menjelaskan kompaun," katanya pada 19 April.

Menurut Najmuddin, pihaknya mengadakan Kempen Pengurangan Kompaun Kesalahan Tempat Letak Kereta dan Pelbagai Kenderaan bagi menggalakkan pembayaran tunggakan kompaun.

Beliau menambah kempen seumpama itu ada dijalankan dua kali sepanjang tahun lalu melibatkan kutipan RM2,920,220 sempena sambutan 25

tahun MPKj. Najmuddin memberitahu sebanyak 438,967 kompaun diselesaikan, 68,413 rayuan diterima dan 128,437 notis peringatan penyelesaian kompaun dikeluarkan pada 2022.

lam organisasi dan persatuan untuk mengakses pembiayaan bagi projek inovatif agar kesedaran memelihara alam sekitar dipertingkatkan," katanya baru-baru ini.

Sejak diperkenalkan pada 2018, sebanyak RM916,657 diperuntukkan bagi GKAS membabitkan 166 penyertaan manakala RM1.79 juta bagi GKTH (168). Permohonan boleh dibuat melalui e-mel selangor.environmentgrant@gmail.com atau serahan tangan kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Kutip lebih 7,000 tan sampah

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) mengutip 7,643.15 tan sampah domestik pada dua hari pertama sambutan Aidilfitri.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata jumlah itu menurun berbanding tempoh sama tahun lalu yang mencatatkan hampir 10,000 tan sampah.

"Janaan sampah kurang tahun ini disebabkan ramai penduduk negeri ini menyambut raya di kampung memandangkan tempoh cuti yang panjang selain pemberian tol percuma.

"Walaupun jumlah penduduk berkurang pada masa-masa tertentu, KDEBWM tetap melaksanakan tanggungjawab membuat kutipan. KDEBWM bekerja setiap hari sepanjang tahun," katanya pada 26 April.

Hasil bayaran parkir RM2 juta

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengutip RM2 juta untuk bayaran tempat letak kereta antara Januari hingga 17 April tahun ini.

Yang Dipertuanya Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata sebanyak RM838,000 daripadanya hasil sewaan petak khas.

"Sebanyak RM88,000 dikutip menerusi bayaran pas bulanan dan RM78,000 lagi daripada pas bulanan penduduk.

"Bagi kutipan tempak letak kereta dalam talian pula, MPAJ menerima RM1 juta," katanya baru-baru ini sebelum meninggalkan jawatan itu ekoran dilantik sebagai datuk bandar Subang Jaya.

Katanya, sejumlah RM1.1 juta diperoleh untuk bayaran tempat letak kereta melalui Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dan MPAJ akan menerima menerima 10 peratus hasil kutipan itu.

KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/NS/SEL/ MK/6/2023 KERJA-KERJA FABRIKASI MENGUJIJAYA DAN MENGHANTAR SELF PRIMING END SUCTION PUMP LENGKAP DENGAN ENJIN DAN AKSESORI BERKAITAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN KEPADA BPME, JPS SELANGOR.	Tetuka	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang • 130202 (Mesin dan kelengkapan khusus) Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 12th Mei 2023 hingga 1st Jun 2023	RM 100.00	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 2th Jun 2023 (Jumaat) Jam 12.00 tengahari

Pada : 11 Mei 2023 (Khamis) Masa : 10.00 pagi.
Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jalan Sepat 17/57 Seksyen 17 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPJK atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akaun pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, BPJKU, PUKONSA atau Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.
Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SURAT WAKIL, SALINAN ASAL RESIT, SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN DAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Karnival hartanah hingga Oktober

SHAH ALAM - Pelbagai insentif menarik dan potongan harga menanti pembeli hartanah di karnival Discover PKNS 2023 yang akan bermula 6 Mei.

Timbalan ketua pegawai eksekutif (pengurusan dan keusahawanan) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berkata kempen di lima lokasi itu diadakan sehingga Oktober.

"Objektif kami ialah untuk menarik penglibatan orang ramai menerusi aktiviti yang melibatkan komuniti di perbandaran PKNS.

"Selain itu, ia juga menjadi medium untuk menarik minat bakal pembeli dan mengukuhkan kesedaran orang ramai berkenaan produk-produk PKNS," kata Suhaimi Kasdon.

RM12,000 untuk mangsa kebakaran

KUALA SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyerahkan sumbangan RM12,000 kepada empat keluarga mangsa kebakaran.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor berkata bantuan itu diberi berikutan kerosakan dan kehilangan tempat tinggal di Kam-

pung Bukit Belimbing di sini dalam kejadian jam 5 pagi pada 5 Februari.

"Kami menerima surat daripada tok sidang kampung itu yang memaklumkan ada empat keluarga berhadapan bencana kebakaran Februari lalu.

"MBI serahkan RM3,000 untuk setiap keluarga bagi meringankan beban me-

reka," katanya selepas menyampaikan bantuan di pusat khidmat Dewan Undangan Negeri Permatang di sini pada 18 April.

Turut hadir, wakil rakyat Permatang Rozana Zainal Abidin dan Ketua Kampung Bukit Belimbing Mohd Sazali Kasim.

Sasar RM1 bilion nilai pembangunan

PKNS tawar enam projek baharu

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyasarkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1 bilion bagi enam projek hartanahnya pada tahun ini.

Timbalan ketua pegawai eksekutif (Pengurusan dan Keusahawanan) PKNS berkata nilai tersebut membabitkan lebih 5,000 unit perumahan bercampur yang akan dilancarkan.

"Tahun ini kita ada enam projek pe-

rumahan dan hartanah baharu yang ditawarkan, antaranya di Shah Alam, Kota Puteri, Kuala Selangor serta Antara Gapi, Rawang," kata Suhaimi Kasdon pada 2 Mei.

Suhaimi berkata perbadanan hartanah negeri itu juga menyasarkan nilai jualan sebanyak RM600 juta pada tahun ini meski berdepan cabaran ketidakstabilan ekonomi semasa.

Jelasnya, PKNS optimis mencapai sasaran tersebut menerusi kajian pemasaran yang dilaksanakan selain menyediakan projek mampu milik kepada pembeli.

Dana RM20 juta setahun

SEPANG - Lebih RM20 juta setahun dibelanjakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI untuk memastikan kebajikan rakyat terbelas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perbelanjaan utama digunakan untuk menangani isu bencana yang memerlukan bantuan mendesak.

"(Selangor) negeri yang kaya, aktiviti banyak, manusia juga ramai jadi kalau berlaku bencana akan menimpa masalah kepada ramai.

"Jadi kita kena sentiasa bersedia dan cuba menjadi sebuah negeri tahan uji

dalam (menghadapi) pelbagai rintangan dan cabaran," katanya pada 29 April.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri sentiasa bersedia membantu rakyat terutama ketika bencana.

"Pastinya kalau berlaku (bencana) di Selangor Kerajaan Negeri akan cuba untuk menyerap kesan itu bersama-sama dengan penduduk.

"Kita tidak membiarkan penduduk menangani hal ini secara berseorangan tetapi kita cuba memastikan semua terutama yang perlu dibantu di peringkat awal kita bantu segera," katanya.

Van percuma untuk OKU

SHAH ALAM - Seramai 1,526 warga emas dan orang kurang upaya (OKU) memanfaatkan perkhidmatan van percuma ke hospital yang disediakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya Shahrin Ahmad berkata angka itu direkod sejak perkhidmatan itu dilancarkan pada 2015 setakat Mac tahun ini.


"MBSA satu-satunya pihak berkuasa tempatan yang menyediakan perkhidmatan percuma seperti ini. Ia antara usaha kita bagi membantu golongan memer-

lukan terutama warga emas dan OKU.

"Kita percaya ramai yang memerlukan perkhidmatan ini dan sambutan amat menggalakkan sejak dilancarkan sehingga kini," katanya pada 28 April.

Shahrin menjelaskan pihaknya juga berusaha menambah baik kenderaan komuniti demi memastikan kesesuaian pengguna.

"Kita menyarankan masyarakat untuk menguar-uarkan perkhidmatan pengangkutan percuma ini supaya golongan warga emas dan OKU yang mahu ke hospital dapat dibantu," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/57/2023	CADANGAN KERJA MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DAN MENAIKTARAF PEJALAN KAKI BERBUMBUNG DI JALAN MURAI SAMBUNG KE JALAN RAJA UDANG 4 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM200.00
2.	T/MPSepang/KEJ/58/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL BAWAH TANAH BAGI SISTEM LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI SEPANJANG JALAN IMPACT CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 @ G4 Kategori ME E04, E06, E11, E16 & E17 DAN UPEN	RM200.00
3.	T/MPSepang/KEJ/59/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL BAWAH TANAH BAGI SISTEM LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI SEPANJANG PERSIARAN BESTARI CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 @ G4 Kategori ME E04, E06, E11, E16 & E17 DAN UPEN	RM200.00
4.	T/MPSepang/KEJ/60/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL BAWAH TANAH BAGI SISTEM LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI SEPANJANG PERSIARAN APEC CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G4 @ G5 Kategori ME E04, E06, E11, E16 & E17 DAN UPEN	RM200.00
5.	T/MPSepang/BGN/61/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BERKALA UNIT PENGHAWA DINGIN DI KOMPLEKS MAJLIS PERBANDARAN SEPANG, AUDITORIUM KELAB TASIK CYBERJAYA DAN PUSAT INOVASI ABBF DI RECYCLE CENTRE CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN	CIDB, SPKK & G3 @ G4 Kategori ME E04 & M01 DAN UPEN	RM200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **8 Mei 2023** hingga **29 Mei 2023** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00** tengah hari pada **29 Mei 2023**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"
"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang



SEMANGAT... Pemain hoki dalam dewan negara Faridzul Mohd (kiri) cuba menggelecek pemain Kemboja dalam perlawanan peringkat kumpulan Sukan SEA Kemboja 2023 di Phnom Penh pada 1 Mei. Malaysia menang 10-1. Foto BERNAMA

677 atlet sertai Sukan SEA

Sasar 40 emas di Kemboja

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Kontinjen negara menasaskan 40 pingat emas, 37 perak dan 64 gangsa dalam temasya Sukan SEA Kemboja di Phnom Penh antara 5 hingga 17 Mei.

Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh berkata sasaran itu menjadi keutamaan berbanding menamatkan saingan kedudukan lima teratas keseluruhan, lapor Bernama.

"Selepas melakukan beberapa sesi latihan selain mengumpul data terkini kemampuan atlet pesaing daripada negara lain yang bertanding kita mengumumkan sasaran ini.

"Turut diambil kira ialah keputusan negara penganjur (Kemboja) yang tidak menyenaraikan 57 acara daripada Sukan SEA Hanoi, Vietnam tahun lepas yang menyaksikan negara hilang potensi 18 pingat emas, 16 perak dan 30 gangsa," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Malaysia ke Sukan SEA di Majlis Sukan Negara (MSN) di Kuala Lumpur pada 30 April.

Hannah berkata seramai 677 atlet mengambil bahagian dalam 33 daripada 36 acara yang dipertanding di temasya dwitahunan itu.

Pada edisi terakhir Sukan SEA di Hanoi, Vietnam tahun lalu, Malaysia berada kedudukan keenam keseluruhan dengan mengutip 39 emas, 45 perak dan 90 gangsa.

Sementara itu, seramai 97 atlet Selangor membawa cabaran negara ke Sukan SEA Kemboja.

Pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor berharap mereka dapat memberi tumpuan sepenuhnya sepanjang kejohanan bagi menjayakan sasaran kutipan 40 emas, 37 perak dan 64 gangsa.

"Kita harap semua atlet yang terpilih dapat menunjukkan prestasi cemerlang untuk membawa balik pingat dan memastikan kedudukan terbaik kontinjen negara," kata Mohamad Nizam Marjuki pada 1 Mei.

Beliau berkata tumpuan terarah kepada atlet karate R Sharmendran yang mempertahankan pingat emas kali keempat berturut-turut di temasya dwitahunan itu selain renang dan olahraga.

Wai Ching tawan Menara Spinnaker

SHAH ALAM - Pelari menara nombor satu negara cemerlang mengungguli cabaran menaiki anak tangga bangunan Menara Spinnaker setinggi 170 meter di Portsmouth, United Kingdom pada 28 April.

Soh Wai Ching melakukan larian 560 anak tangga dalam masa dua minit 18 saat (s) sekali gus menyamai rekod atlet tuan rumah, Marks Sims, pada 2017, lapor Bernama.

"Saya secara peribadi berpendapat bahawa catatan berkenaan masih boleh diatasi dan mungkin boleh mencapai masa bawah 2:10s dengan lebih banyak latihan ketahanan kelajuan yang disesuaikan untuk larian ini," katanya.

Atlet para renang raih emas

SHAH ALAM - Atlet para renang negara Brenda Anellia Larry meraih pingat emas menerusi acara 150 meter (m) rampaian individu wanita dalam Kejohanan Siri Dunia Renang Para Singapura 2023 pada 29 April.

Atlet berusia 18 tahun yang beraksi dalam kategori SM 1-4 (kecatatan fizikal) itu mencatatkan masa 4 minit 13.63 saat (s) mengeneipkan cabaran atlet Brazil, Susana Schnarndorf yang merekodkan 5:19.35s, lapor Bernama.

Mengikuti format pertandingan, hanya Brenda yang menerima pingat acara terbabit kerana penyertaan kurang daripada tiga peserta.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

No. Sebut harga : **SH/PTGS/07/2023**

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:-

Bil	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Proton Perdana 2.0L	BNE 6111	1	RM19,500.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **11 Mei 2023 (Khamis)** hingga **12 Mei 2023 (Jumaat)** di antara jam **10.00 pagi** hingga **4.00 petang** di tempat letak kenderaan Jabatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Aras Bawah, Bangunan Sultan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **SH/PTGS/07/2023** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Pengarah
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

5. Tarikh tutup sebutharga pada **22 Mei 2023 (Isnin)** jam **12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh: 14 APRIL 2023

PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR



NG SUEE LIM
Sekinchan

beramah mesra bersama penduduk di Restoran Faridah, Sabak Bernam

HASNUL BAHARUDDIN
Morib

menyumbang kepada wakil Masjid Jamek As-solihin Kanchong Darat, Kuala Langat



JUWAIRIYA ZULKIFLI
Bukit Melawati

mendengar masalah baik pulih Surau Ar Rahman, Kuala Selangor

SAARI SUNGIB
Hulu Kelang

memberi sumbangan kepada Orang Asli di Kemensah, Ampang Jaya



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menziarahi penduduk yang kematian ahli keluarga di Kampung Parit Baru, Sabak Bernam

NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

menyampaikan duit raya di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam



LIM YI WEI
Kampung Tunku

menyerahkan kerusi roda kepada OKU di Dewan MBPJ, Petaling Jaya

ROZANA ZAINAL ABIDIN
Permatang

bertemu mangsa ribut di Kampung Bestari Jaya, Kuala Selangor



Wujud pusat latihan kecemasan

SHAH ALAM - Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya membelanjakan RM20,000 untuk menggerakkan Pusat Latihan Kecemasan USJ 13.

Wakil rakyat Michelle Ng Mei Sze berkata pusat itu dibangunkan bagi memberi pengetahuan dan latihan bantuan kecemasan kepada penduduk ketika berdepan



situasi tidak dijangka.

"Menerusi kelas dikendalikan pasukan paramedik SJ Beacon Subang Jaya Emergency Ambulance kita beri peserta latihan resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan bantuan kecemasan (first aid).

"Jika seseorang itu tidak boleh bernafas atau tercekik dan mereka yang ada kemahiran boleh membantu

mangsa sebelum bantuan perubatan tiba.

Menurutnya, setakat ini enam kelas sudah diadakan untuk penduduk sejak tiga bulan lalu yang dikendalikan ketua paramedik bertauliah dengan empat pembantu.

"Berikutan sambutan menggalakkan kita had satu kelas kepada 10 hingga 20 peserta sahaja supaya mereka dapat belajar dengan selesa," katanya.

Atasi kesesakan, sasar mudah pekerja

Sedia perkhidmatan van-panggilan RM1

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Gasing melancarkan perkhidmatan van-panggilan (van-hailing) Kumppool 2.0 baru-baru ini.

Wakil rakyatnya R Rajiv berkata menerusi perkhidmatan menggunakan aplikasi Kumppool zon laluan dikedirikan dengan menyasarkan golongan yang bekerja di Petaling Jaya.

"Kini dari kedua-dua stesen LRT Taman Jaya and Asia Jaya, anda mempunyai dua pilihan iaitu skuter elektrik

(e-skuter) Oogyaa atau Kumppool, satu perkhidmatan van-panggilan bergantung kepada pilihan anda.

"Anda boleh naik dan turun di perhentian berikutan dengan bayaran RM1 sahaja," katanya menerusi Facebook.

Rajiv berkata antara lokasi perhentian antaranya LRT Taman Jaya, Ampcorp Mall, Petron Jalan Utara (LRT Asia Jaya), Wisma TNB Jalan Timur, 32 Square Seksyen 19, The Challenger Sports Center, pusat beli-belah Jaya One, Crys-

tal Crown PJ dan Digital Mall.

Selain itu, Public Bank PJ New Town, Wisma MCIS, Aeon Big Jaya One, Wisma Kemajuan (Jalan 19/1), Mattress Factory Outlet (Jalan 19/1) dan Hotel Lisa De Inn (Jalan 17/47).

Kumppool Ride diperkenalkan di DUN Bukit Gasing pada 11 April tahun lalu bagi menyurui kesesakan trafik dan parkir dengan kadar serendah RM1 untuk akses pengangkutan lebih mudah, selesa dan selamat setiap hari mulai jam 8 pagi hingga 8 malam.



Lulus permohonan skim kesihatan

SHAH ALAM - Lebih 30 daripada 60 permohonan Skim Bantuan Sihat Selangor (BSS) yang diterima pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) Rawang tahun ini diluluskan Kerajaan Negeri.

Wakil rakyat Chua Wei Kiat berkata kebanyakan pemohon merupakan penghidap angin ahmar dan



pesakit yang menjalani dialisis buah pinggang.

Menurut beliau kesemua pemohon menerima bantuan tertakluk kepada keperluan dan kos rawatan serta jumlah yang diperuntuk skim tersebut.

"Saya menyarankan penduduk Rawang berpendapatan bawah RM3,000

yang menghidap penyakit berisiko termasuk barah agar segera memohon Skim BSS.

"Selain BSS banyak lagi inisiatif lain disediakan untuk rakyat Selangor yang boleh dinikmati," katanya pada 28 April.

Permohonan skim BSS boleh dibuat melalui pautan bantuansihat.selangor.gov.my/

AHLI DEWAN NEGERI TAMAN TEMPLER MOHD SANY HAMZAN

- **Umur:**
46 tahun
- **Falsafah hidup**
Berfikiran positif
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Ahli Majlis Perbandaran Kajang

- **Alamat pejabat ADN:**
No. 14A, Tingkat 1, Jalan 2/12 Dataran Templer, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves
- **Nombor telefon ADN:**
03-6127 1831
- **Facebook:**
Sany Hamzan
- **E-mel:**
N15tmntempler@gmail.com



Edar 2,000 baucar untuk warga emas

KLANG - Sebanyak 2,000 baucar Skim Mesra Usia Emas (SMUE) untuk penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru akan diedarkan dalam masa terdekat.

Pegawai Khas Ahli Dewan Negeri (ADN) Meru Norlena Nayan bagaimanapun berkata pihaknya masih menunggu kuota itu dipenuhi berikutan masih ada warga emas yang belum daftar.

"Kita mohon anak-anak bantu daftarkan nama ibu bapa mereka yang layak untuk menerima insentif ini, mereka boleh datang ke pusat khidmat masyarakat DUN Meru dengan membawa salinan kad pengenalan pemohon dan waris atau memohon secara dalam talian.

"Setakat ini tiada tarikh tutup, permohonan masih boleh dibuat dan syarat kelayakan juga boleh disemak menerusi laman sesawang SMUE," katanya pada 2 Mei.

Bantu mangsa hempap pokok

SHAH ALAM - Keluarga yang terjejas ekoran kediamannya dihempap pokok dalam kejadian ribut menerima bantuan segera RM500 dan barangan keperluan asas dari Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Gombak dan Pejabat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia.

Penyelaras DUN Gombak Setia A Rahim Kasdi berkata pihaknya sedang menilai kerosakan untuk kerja-kerja baik pulih rumah ketika membuat menziarahi keluarga berkenaan di Kampung Sungai Salak, Gombak pada 26 April.

"Pihak Parlimen dan DUN akan membantu baik pulih kerosakan rumah mangsa dan kita ucapkan terima kasih kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang telah membuat kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang," katanya.

Anak muda sertai festival filem

SHAH ALAM - Festival Filem Pendek Horizon (HSFF) anjuran Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama berjaya menarik 40 penyertaan termasuk pelajar dari luar negara.

Wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin berkata penganjuran julung kali itu memberi ruang kepada anak muda menyuarakan pendapat melalui karya yang menyentuh isu-isu semasa dalam masyarakat.

"Festival ini dipengerusikan bersama produser Jay Tan How Yi bersama komuniti belia Selangor dan Kuala Lumpur," katanya baru-baru ini.

Filem pendek 'Garek' oleh Haziqah Azemi meraih tempat pertama dan membawa pulang wang tunai RM5,000.



selangorkini

Kutip hasil lebih
RM893 juta

RM5 juta pulih prasarana
Kampung Koskan

2

6



CERIA... Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin menyampaikan duit raya ketika rumah terbuka Klang. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN ▶ LAGI GAMBAR MUKA 12&13

Jelajah Aidilfitri hujung minggu ini

SHAH ALAM - Program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri diteruskan hujung minggu ini di daerah Hulu Langat, Petaling dan Kuala Langat bermula 5 hingga 7 Mei.

Sambutan di tapak Agora Night Market Taman Sri Nanding, Hulu Langat berlangsung pada 5 Mei diikuti tapak pasar malam Sungai Buloh, Petaling (6 Mei) dan Taman Perwira Sijangkang, Kuala Langat (7 Mei).

Seterusnya Dataran Tanah Lesen, Parit Baru, Sabak Bernam (12 Mei), padang awam Bukit Badong, Kuala Selangor (13 Mei) dan tapak Uptown Sri Gombak (14 Mei) yang akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum ini, program tiga hari berturut-turut pada setiap minggu sepanjang Syawal bermula 28 April berlangsung di Sepang, Hulu Selangor dan Klang.

Bincang kitab Ihya Ulumuddin

Festival karya agung al-Ghazali bermula

SHAH ALAM - Festival Turath Islami Selangor yang membincangkan kandungan kitab Ihya Ulumuddin karangan Hujjatul Islam Imam al-Ghazali berlangsung antara 20 hingga 25 Mei.

Program tersebut menampilkan tokoh berpengaruh dalam dunia Islam antaranya bekas Mufti Agung Mesir Prof Dr Ali Jum'ah, Dr KH Said Aqil Siradj, Dr Nadirsyah Hosen dan Baba Ghazali Ahmad.

Bersempena majlis itu, ulama terkenal dari Pattani Baba Ismail Sepanjang

al-Fathoni memimpin program talaqqi kitab berkenaan di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar Selangor di sini.

Beliau membaca dan menghurai maksud kandungan kitab depan kira-kira 200 peserta pada 1 Mei dalam dua sesi setiap satu selama dua jam yang diakhiri sesi soal jawab.

Peserta terdiri antaranya daripada Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS), Akademi Pemikiran Turath, Asatizah Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor.

Dato' Menteri Besar menjelaskan program itu menandakan permulaan terjemahan 10 jilid kitab itu ke bahasa Melayu buat pertama kali yang dijayakan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

"Saya harap bahawa usaha ini dapat menyemarakkan kegiatan keilmuan serta membangkitkan kehangatan ilmu kepada segenap penganut Islam di Malaysia," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Festival itu dipancar secara langsung di Facebook Media Selangor dan YouTube SelangorTV.

pancawarna

Angkat Ihya Ulumuddin

Ulama besar Mesir hurai kitab al-Ghazali dalam Festival Turath

9



Bantuan raya naik RM200

Jom Shopping Raya gembirakan warga Selangor sambut perayaan

10



Rai Syawal di set filem

Erra terkenang suasana lebaran ketika mula bergelar anak seni

11

